almasar
ALUMNI MAHASISWA MESIR

7 Nakhoda Ikhwan Muslimin

"GENERASI DI BALIK BESI"



KOMPILASI BIOGRAFI DAN KISAH PERJUANGAN TOKOH DAKWAH

HASAN HUDHAIBI | UMAR TILMISANI | HAMID ABU NASR | MUSTAFA MASYHUR | MAKMUN HUDHAIBI | MAHDI AKIF | MUHAMMAD BADIE

مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ رِجَالٞ صَدَقُواْ مَا عَٰهَدُواْ ٱللَّهَ عَلَيۡهِۖ
فَمِنۡهُم مَّن قَضَىٰ نَحۡبَهُۥ وَمِنۡهُم مَّن يَنتَظِرُۖ
وَمَا بَدَّلُواْ تَبۡدِيلٗا

“Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antara mereka ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikit pun.”

SURAH AL-AHZAB · 33 : 23

Terjemahan: Abdullah Muhammad Basmeih, Tafsir Pimpinan ar-Rahman

Editor
Nawfal Ahmad

Rekabentuk Kulit
Ubaidah Zaidi

Rekabentuk Susun Atur
Hikmat Esa

Diterbitkan oleh
Almasar (Alumni Mahasiswa Mesir)

Cetakan Pertama Jun 2016 · Edisi E-Buku 2026

Karya asal © Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA-Mesir), 2016

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat kebenaran bertulis. Permohonan kebenaran boleh dibuat melalui PenaHayah.

Untuk sebarang maklumat, hubungi: penahayah@gmail.com

CARA GUNA E-BUKU INI

Isi Kandungan. Tekan mana-mana tajuk untuk terus ke bab itu.

Butang ≡ Isi Kandungan di penjuru atas setiap halaman membawa anda kembali.

1949

Susur Masa. Tekan tahun pelantikan untuk ke bab Nakhoda tersebut.

Dengar & Terokai. Podcast, garis hayat dan kata hikmah setiap Nakhoda (perlu internet).

Isi Kandungan

Susur Masa Peristiwa Penting viii

Pendahuluan 1

Hasan al Hudhaibi 4

Dari Hakim Mahkamah ke Mursyidul Am 6
Berisi Dalam Diamnya 8
Bertemu jalan dakwah 9
Tegas dengan prinsip 11
Hasan al-Hudhaibi, pengemudi Ikhwan yang baharu 12

Umar At Tilmisani 16

Lahirnya perintis Risalah 18
Didatangi dua orang pemuda 20
Lembut dalam sifatnya, tegas dalam tindaknya 22
Tarbiah ubah si kaya jadi zuhud 24
Teman setia al-Banna 26
Ikhwan Muslimin ke kancah politik 27
Sentapan Umar at-Tilmisani kepada Presiden Mesir 30

Muhammad Hamid Abu Nasr 33

Pemuda dari Asyut 35
Pujian dari tokoh-tokoh di sekelilingnya 36
Muhammad Hamid Abu Nasr dan

Imam Hasan al-Banna 40
Perkabaran dari Penjara Turoh 41
Pendakwah yang disegani 42

Mustafa Masyhur 47

Ahli Metereologi yang menggegar arus 49
Luhur peribadinya 50
Pemuda berharga 51
Perkahwinannya yang kedua 53
Peristiwa Jip 54
Tempang akibat diseksa di penjara 56
Tegas, tak pernah lentur 57
Kembalinya pengemudi bahtera 58
Naik turun Ikhwan di arena politik 60
Kuasa pena menjangkaui masa 63

Makmun Al Hudhaibi 67

Menyambung Legasi 69
Tokoh yang penyayang 71
Pemuda yang berjuang 72
Istiqamah dalam perjuangan 74

Mahdi Akif 77

Guru sukan berjiwa komando 79
Menyertai Ikhwan sejak sekolah rendah 81
Atletik, bersemangat waja 82
Ikhwan makin lantang 83
Menang kerusi parlimen 84
Veteran ikhwan ke penjara 85
Ketetapan mereka yang bekerja di atas jalan-Nya 87

Dr. Mohammed Badie **90**

Veterinar PhD di tampuk kepimpinan **92**
Karakter yang disegani **94**
Menganggotai ikhwan sejak muda **95**
Al-Quran dan Hadis yang hidup dalam diri **97**
Walau digantung seribu kali, aku takkan berpaling dari kebenaran! **98**
Ujian yang berat **99**
Akhirnya, Ikhwan memerintah Mesir **99**
Kemenangan yang tidak kekal lama **100**

Rujukan **105**



ISI KANDUNGAN

1986

Pelantikan
Hamid Abu Nasr
sebagai Mursyidul Am ke-4

SUSUR MASA
PERISTIWA PENTING IKHWAN MUSLIMIN

Tekan nama Nakhoda untuk terus ke babnya

1996

Pelantikan
Mustafa Masyhur
sebagai Mursyidul Am ke-5

2002

Pelantikan
Makmun Hudhaibi
sebagai Mursyidul Am ke-6

ISI KANDUNGAN

1928

Ikhwan Muslimin
ditubuhkan oleh
As-syahid Hasan Albanna

Ikhwan Muslimin
sertai perang Arab-Israel.
Sejurus pulang mereka ditangkap
dan jemaah dibekukan

1948

Pengasas jemaah,
Hasan Albanna
mati syahid dibunuh

1949

Pelantikan (1951)
Hasan Hudhaibi
sebagai Mursyidul Am ke-2

Pelantikan
Umar Tilmisani
sebagai Mursyidul Am ke-3

1973

2004

Pelantikan
Mahdi Akif
sebagai Mursyidul Am ke-7

2010

Pelantikan
Dr. Muhammad Badie
sebagai Mursyidul Am ke-8

HARI INI

Pendahuluan

Gerakan Ikhwan Muslimin sering meniti di bibir penggerak-penggerak dakwah di mana-mana sahaja, sama ada mereka yang berpegang pada manhaj (metode) Ikhwan ataupun tidak. Pengasasnya Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna kembali menyegarkan pemahaman juga kerangka pemikiran Islam yang asli berpandukan al-Quran dan Sirah Rasulullah SAW sebagai pegangan utama gerakan.

Kini, dunia Islam dahaga dengan pemahaman dan pemikiran Islam yang asli lantaran arus kepincangan barat yang melanda dunia-dunia Islam. Ini menyebabkan Islam yang asalnya mudah dan menyeluruh menjadi satu agama yang sukar dan terasing dari kehidupan sehinggakan ianya hanya diaplikasi dalam ritual-ritual semata. Insaf dengan keadaan ini, Ikhwan Muslimin datang di tengah-tengah umat yang celaru dan keliru bersama solusi kebangkitan setelah jatuhnya khilafah Islamiah pada tahun 1924.

Manhaj perubahan yang bermula dari bawah iaitu daripada perubahan peribadi menjadikan gerakan ini unik dan berbeza dari gerakan-gerakan lain yang muncul setelah kejatuhan khilafah Islamiah. Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna sendiri meletakkan maratib (susunan) amal bermula dari diri sendiri hinggalah kepada perubahan dunia. Ikhwan menyimpulkan bahawa masalah dunia hari ini bukanlah berpunca dari sistem tetapi sebenarnya ia berpunca dari diri manusia itu sendiri.

Ya, penyelesaian kepada permasalahan umat ini harus bermula dari diri sendiri kerana akhirnya ianya akan membentuk sistem yang akan mengawal masyarakat. Benarlah firman Allah S.W.T dalam surah Ar-Ra'd ayat 11;

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri" [Ar-Ra'd: 11]

Ikhwan mempunyai sejarah yang harum di persada dunia dakwah. Pemimpin-pemimpin mereka telah menunjukkan qudwah (teladan) yang baik bahkan berjaya melakar peta dakwah yang terkehadapan berbanding gerakan-gerakan Islam yang lain. Walaupun sejarahnya tidak sunyi dari percubaan-percubaan memadamkannya namun dengan ketabahan pimpinannya juga kekuatan ahlinya, gerakan ini mampu dan masih bertahan walau sudah puluhan tahun lamanya.

Mursyidul Am adalah gelaran bagi pimpinan tertinggi Ikhwan Muslimin bermula dari pengasasnya, Imam Hasan Al-Banna hinggalah yang terkini Dr. Muhammad Badi', Mursyidul Am ke-lapan. Mereka bukanlah pemula kepada dakwah ini melainkan hanyalah mata-mata rantai yang bersambung dari rantai dakwah baginda Rasulullah SAW yang pertama di Makkah.

Kini gerakan yang berumur melebihi 80 tahun itu terus menongkah arus kebangkitan Islam di bawah nakhoda bahtera Mursyidul Am Ikhwan Muslimin dalam memandu dakwah Ikhwan sepanjang zaman bermula

dari zaman Raja Faruq hinggalah yang terkini zaman Abdul Fattah As-Sisi.

Ujian dan rintangan bukanlah penghalang keazaman mereka bahkan ia adalah sunnatullah dalam dakwah untuk menguji keimanan dan keikhlasan dalam menegakkan panji al-haq di zaman fitnah ini. Semoga secebis biografi juga kisah-kisah yang tercatat dalam buku ini mampu menggerakkan jiwa pencinta dakwah untuk terus memahami hakikat perjuangan dakwah Islamiyah yang dibawa oleh gerakan ini menuju kegemilangan khilafah Islamiah suatu hari nanti insyaAllah.

Wan Ahmad Izzat Bin Wan Ahmad Sanadi
Pembantu Editor
Jun 2016



ISI KANDUNGAN

NAKHODA 1

MURSYIDUL AM KE-2



Hasan Hudhaibi

DENGAR & TEROKAI

Podcast · Garis hayat · Kata hikmah

ISI KANDUNGAN

TEGAKKANLAH ISLAM DALAM DIRI KAMU NESCAYA IA AKAN TERTEGAK DI NEGARA KAMU

Hasan Hudhaibi

Hasan al Hudhaibi

PEWARIS RISALAH AL-BANNA

DARI HAKIM MAHKAMAH KE MURSYIDUL AM

Hasan al-Hudhaibi merupakan Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang kedua, selepas syahidnya Imam Hasan al-Banna. Nama penuh beliau ialah Hasan Ismail al-Hudhaibi al-Masri. Tokoh besar Ikhwan ini dilahirkan di sebuah perkampungan Arab Sowalihah bertempat di Shibin al-Qanatir, Mesir pada Disember tahun 1891.

Hasil didikan ibu dan bapanya di rumah, beliau telah berjaya menamatkan hafalan al-Quran sewaktu usianya masih kecil. Selepas daripada itu beliau telah mengikuti pengajian di Sekolah Al-Azhar untuk mendalami ilmu agama. Beliau kemudiannya berpindah ke sekolah bandar dan menamatkan pengajiannya di peringkat rendah pada tahun 1907.

Hasan al-Hudhaibi menyambung pengajiannya di Sekolah Menengah al-Khadiwiah dan mendapat sijil Bakaloria (sekolah menengah) pada tahun 1911. Kemudiannya beliau mengambil pengkhususan dalam bidang perundangan dan kehakiman dengan memasuki sekolah undang-undang dan menamatkan pengajiannya tersebut pada tahun 1915.



Setelah menamatkan pengajian, beliau menceburi

alam pekerjaan dengan menjadi peguam di Shibin al-Qanatir dalam waktu yang singkat. Beliau kemudian telah berpindah ke beberapa tempat antaranya ialah Suhaj, Qana, Naja' Hamady, Mansurah dan al-Minia selama setahun. Selepas itu, beliau berpindah ke Assiut, Zaqaziq dan Giza dan akhirnya bermuqim di Kaherah.

Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau dalam bidang kehakiman adalah sebagai Canselor Mahkamah Rayuan pada tahun 1940. Pada tahun 1951, beliau telah meletakan jawatan tersebut setelah beliau diangkat sebagai mursyidul am kedua Ikhwan Muslimin. Sebelum perlantikan tersebut, pada tanggal 12 Februari 1949 para upahan kerajaan Mesir yang berkonspirasi disebalik nama Raja Farouk, telah berjaya membunuh Imam Hasan al-Banna, sehingga kerusi Mursyidul Am Ikhwan Muslimin menjadi kosong. Maka pada ketika itu, para penggerak Ikhwan mula mencari penggantinya, dan akhirnya mereka menetapkan Hasan al-Hudhaibi menjadi mursyidul am jemaah tersebut. Beliau telah memegang jawatan tersebut selama 22 tahun, dari tahun 1951 hingga tahun 1973.

Tokoh besar ini telah beberapa kali dihumbankan ke dalam penjara atas arahan Jamal Abdul Naser, presiden kedua Republik Mesir. Beliau juga hampir dilaksanakan hukuman gantung sebelum ditukar menjadi penjara seumur hidup dan kemudian tahanan rumah disebabkan usianya yang lanjut dan serangan sakit jantung. Pada pagi 11 November 1973 Masihi, bersamaan bulan Syawal 1393 Hijrah, Hasan al-Hudhaibi telah meninggal dunia dan namanya dikenang sebagai sosok pendakwah Ikhwan yang agung.

BERISI DALAM DIAMNYA

Beliau merupakan seorang yang pendiam, namun apabila beliau bercakap beliau akan berucap dengan lantang dan padat dengan isi dan hikmah. Karakter beliau sebagai seorang hakim menjadikan Hasan al-Hudhaibi seorang yang lebih banyak menggunakan kelebihan berfikir berbanding bercakap atau berdebat.

Beliau juga seorang yang memiliki sifat ketabahan yang tinggi dalam diri. Sepanjang tempoh kepimpinan beliau sebagai mursyidul am selepas syahidnya Imam Hasan al-Banna merupakan tempoh kritikal dalam gerakan dakwah Ikhwan Muslimin, ketika mana jemaah tersebut dilanda krisis luaran dan juga dalaman.

Antara krisis dalaman yang berlaku ketika waktu tersebut adalah wujudnya kumpulan 'anti al-Hudhaibi' yang menolak kepimpinan beliau sebagai mursyidul am. Kumpulan tersebut menolak kepimpinan beliau atas alasan perbezaan perwatakan jika dibandingkan dengan Ustaz Hasan al-Banna. Atas kebijaksanaannya, Hasan al-Hudhaibi menghadapi krisis tersebut dengan penuh tabah dan sabar, beliau telah berjaya menjaga kestabilan dalam gerakan Ikhwan Muslimin, dan berjaya menarik kembali beberapa orang yang telah keluar daripada jemaah, kembali menyertai Ikhwan Muslimin.

Antara bentuk keperibadian Hasan al-Hudhaibi yang menonjol adalah ketegasan beliau dalam menentang segala bentuk kebatilan. Antara kisah terkenal yang menggambarkan bentuk keperibadian beliau ini adalah ketika Hasan al-Hudhaibi hadir ke Mahkamah Rayuan bagi menyatakan pendirian beliau, menentang dan mengkritik undang-undang yang dipraktikkan di

mahkamah Mesir kerana ianya tidak bersumberkan syariat Islam serta bertentangan dengan al-Quran dan as-Sunnah. Tindakan beliau ini menjadi tajuk besar di dada akhbar Mesir, Masr al-Yaum, dengan tajuk "Hasan al-Hudhaibi, semoga Allah SWT menolongnya."

Selain daripada itu, Hasan al-Hudhaibi juga merupakan seorang yang tawaduk dan suka merendah diri. Beliau juga tidak menyenangi pujian dan sanjungan yang di berikan ke atas beliau. Seringkali apabila didatangi oleh para wartawan, beliau akan mengelak daripada gambarnya diambil.

Meskipun beliau memegang jawatan besar sebagai mursyidul am, namun beliau sentiasa melazimi perbincangan dan tidak segan untuk bertanya pendapat dan pandangan dengan ahli jemaah bawahannya. Sikap keterbukaannya ini menjadikan beliau amat disenangi oleh semua peringkat lapisan gerakan Ikhwan.

BERTEMU JALAN DAKWAH

Karier Hasan al-Hudhaibi sebagai seorang hakim yang berjawatan besar menuntut beliau untuk sentiasa bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan berpindah-randah dari satu mahkamah ke satu mahkamah yang lain. Karier beliau ini juga membolehkannya bergaul dan mengenali ragam manusia yang pelbagai rupa dan perwatakan dengan lebih mendalam.

Perjalanan hidup beliau sepanjang tempoh awal kerjayanya tersebut merupakan rentetan hari yang padat dengan urusan pejabat seperti golongan kebanyakan yang lain. Sehinggalah pada musim panas tahun 1944, Hasan al-Hudhaibi terserempak dengan sekumpulan

pemuda kampung yang sedang sibuk membincangkan masalah-masalah politik dan negara dan agama. Apa yang menghairankan beliau terhadap pemuda-pemuda tersebut adalah bagaimana seorang yang tinggal di kampung pedalaman dan cetek pengetahuannya mampu untuk membicarakan soal politik dan negara seperti seorang ahli politik, bahkan petah berbahas soal agama seperti seorang agamawan yang luas pengetahuannya.

Kehairanan beliau tersebut memaksa dirinya untuk bertanya kepada pemuda-pemuda tersebut. “Dari manakah kalian semua mengetahui perkara-perkara ini?” tanya Hasan al-Hudhaibi. Lalu mereka menjawab, “kami telah menggabungkan diri kami dengan Jemaah Ikhwan Muslimin, dan kami didedahkan dengan bahan bacaan ilmiah secara berkala.” Setelah mendengar jawapan tersebut, beliau meminta daripada pemuda-pemuda itu bahan bacaan tersebut sebagai bekalan untuk dijadikan rujukan beliau.

Sepanjang malam tersebut Hasan al-Hudhaibi tidak tidur kerana menyibukkan diri menghadam bahan bacaan tersebut sehingga terbit fajar dan menunaikan solat subuh, lalu beliau menamatkan bacaan tersebut sehingga timbul perasaan dalam dirinya bahawa beliau telah menjadi sebahagian daripada anggota Jemaah Ikhwan Muslimin. Itu adalah perkenalan Hasan al-Hudhaibi dengan fikrah Ikhwan Muslimin buat pertama kalinya.

Maka selepas daripada hari itu, Hasan al-Hudhaibi telah merapatkan dirinya dengan pengikut-pengikut Ikhwan Muslimin dan mengikuti setiap perkembangan berita mengenai jemaah tersebut.

Dalam kisah yang lain, pada suatu hari Ikhwan

Muslimin telah mengadakan sebuah perkumpulan umum, dan Imam Hasan al-Banna dijadualkan untuk menyampaikan khutbah pada hari perkumpulan tersebut. Ternyata khutbah yang dilontarkan Imam Hasan al-Banna pada hari tersebut berbeza dengan kebiasaan yang didengarinya. Dia risau jika khutbah itu dihabiskan awal, dan takjub bagaimana khutbah itu mampu mengikat hatinya dan menjadikan hatinya terpesona dengan Imam Hasan al-Banna.

Pada saat itu, Hasan al-Hudhaibi telah melakukan janji, ikatan dan baiah dengan Ikhwan Muslimin. Ketika ini, beliau yakin inilah dakwah yang akan memberi kerjenihan dalam dirinya.

TEGAS DENGAN PRINSIP

Suatu ketika tatkala beliau dipenjarakan, suasana pada waktu itu sangat sejuk. ketua warden penjara menyediakan alat pemanas kepada Hasan al-Hudhaibi kerana keadaan beliau yang sudah uzur. Namun, pelawaan itu ditolak oleh Hasan al-Hudhaibi. Ketika waktu rehat, ketua warden telah meletakkan alat pemanas ke dalam bilik tahanan Hasan al-Hudhaibi semasa ketiadaanya. Sekembalinya Hasan al-Hudhaibi ke biliknya, beliau merasa hairan apabila mendapati kewujudan alat pemanas tersebut. Beliau telah memanggil warden yang lain dan memulangkan alat pemanas tersebut.

Tindakan ini menyebabkan ketua warden hairan dan bertanya akan pemulangan tersebut. Hasan al-Hudhaibi mendoakan kebaikan ke atas ketua warden tersebut kemudian berkata, "aku tidak akan menerima keistimewaan melainkan semua ahli Ikhwan di dalam penjara mendapat kebaikan yang sama." Kisah ini menjadi

contoh keluhuran peribadi Hasan al-Hudhaibi yang sentiasa mengambil berat akan saudaranya walaupun beliau uzur ketika itu.

Dalam kisah yang lain, ketika zaman Hasan al-Hudhaibi memimpin Ikhwan Muslimim, Rejim Mesir telah melakukan perbuatan khianat dan paksaan keatas jemaah tersebut. Sekumpulan ahli Ikhwan membuat keputusan untuk ke pejabat rasmi rejim tentera mesir menyatakan ketidakpuasan hati mereka. Namun, mereka ditahan oleh Hasan al-Hudhaibi lantas beliau berkata; "Jika seluruh Ikhwan mati, itu lebih baik daripada kita sampai ke puncak kemenangan dengan jalan pengkianatan. Jika kita menguasai dunia dengan membunuh akhlak Islam, maka kita rugi."

HASAN AL-HUDHAIBI, PENGEMUDI IKHWAN YANG BAHARU

Ketika dilantik menjadi mursyidul am, wujud golongan 'anti-Hudhaibi' dalam jemaah Ikhwan. Hal ini kerana, Hasan al-Hudhaibi dikatakan tidak aktif seperti Imam Hasan Al-Banna yang kerap melawat ke seluruh cawangan Ikhwan ketika memimpin jemaah Ikhwan. Beliau juga tidak menerima gelaran 'Rais Am' sebaliknya hanya menerima jawatan 'Mursyidul Am' sahaja.

Antara sebab lain beliau ditolak oleh golongan 'anti-hudhaibi' adalah kerana beliau meletakkan syarat agar Abdul Qadir Audah dilantik sebagai timbalannya seterusnya menyekat peluang tokoh-tokoh besar lain untuk menyandang jawatan tersebut. Pada 27 November 1953, seramai 21 orang penyokong gerakan 'anti-Hudhaibi telah menceroboh masuk ke kediaman rumah beliau bertujuan untuk memaksanya menandatangani surat

perletakan jawatan. Mereka juga turut berjaya menawan Pejabat Pusat Gerakan Ikhwan Muslimin.

Pada tanggal 28 November 1953, sebuah demonstrasi besar-besaran antara dua kelompok penyokong dan penentang al-Hudhaibi telah tercetus. Empat orang tokoh besar Ikhwan Muslimin yang menjadi dalang rampasan kuasa dan percubaan menjatuhkan mursyidul am Hasan al-Hudhaibi telah dipecat.

Sebelum zaman Hasan al-Hudhaibi, Ikhwan Muslimin telah terlibat secara langsung dalam Perang Arab-Israel 1948 bagi mempertahankan bumi Palestin, dan di bawah pimpinan beliau pula, Ikhwan pada peringkat awalnya menyokong Revolusi Mesir 1952. Hasan al-Hudhaibi telah menyeru keluarganya yang terdiri dari golongan terkemuka Mesir untuk menubuhkan cawangan Ikhwan Muslimin di seluruh Mesir. Beliau turut menggencarkan usaha melawan zionis dan membebaskan Palestin dari sudut ketenteraan dan sumbangan material.

Pada tahun 1954, Hasan al-Hudhaibi telah dituduh menjadi dalang percubaan untuk membunuh Jamal Abdul Naser, Perdana Menteri Mesir pada ketika itu. Mahkamah kemudiannya menjatuhkan hukuman gantung ke atas beliau dan beberapa pimpinan Ikhwan Muslimin seperti Abdul Qadir Audah dan Muhammad Fargali pada tahun 1954. Namun kemudiannya, Hasan al-Hudhaibi telah diserang penyakit jantung secara tiba-tiba dan pakar perubatan meramalkan bahawa hayatnya hanya berbaki beberapa jam sahaja.

Kemudiannya, Jamal Abdul Naser telah meringankan hukuman ke atas beliau kerana dijangka hayat Hasan al-hudhaibi sehingga keesokan paginya sahaja. Namun,

ternyata sangkaannya tersilap kerana dengan izin Allah SWT, Hasan al-Hudhaibi diberikan kesembuhan. Beliau kemudiannya ditangkap sekali lagi dan dimasukkan ke penjara tentera.

Beberapa orang pengikut Ikhwan yang lemah dan tidak tahan dengan azab seksaan dalam penjara telah mencadangkan kepada Hasan al-Hudhaibi untuk bekerjasama dan meminta maaf kepada Jamal Abdul Naser. Namun, Ustaz Hasan al-Hudhaibi menegaskan; “Aku tidak memaksa seseorang bersikap tegas dan berani mengikut pendirianku, tetapi aku mengingatkan bahawa dakwah Islam tidak pernah tertegak walau sehari dengan seseorang yang mengambil sikap bertolak ansur dengan kebatilan."










دعاة لا قضاة

ISI KANDUNGAN

NAKHODA 2

MURSYIDUL AM KE-3



Umar Tilmisani

DENGAR & TEROKAI

Podcast · Garis hayat · Kata hikmah

ISI KANDUNGAN

ORANG YANG MENGHAYATI LANGKAH-LANGKAH IKHWAN MUSLIMIN SEMENJAK PENUBUHANNYA HINGGA KE HARI INI TIDAK AKAN MENJUMPAI SESUATU PUN KECUALI SERANGKAIAN PENGORBANAN BERKESINAMBUNGAN UNTUK MENEGAKKAN AKIDAH

Umar Tilmisani

Umar At Tilmisani

PEMBELA IKHWAN

LAHIRNYA PERINTIS RISALAH

Sebelum kelahiran pemimpin agung umat Imam Hasan al-Banna pada tahun 1906, telah lahirnya sang murabbi agung bernama Umar Bin Abdul Fattah Bin Abdul Qadir Bin Mustafa, dua tahun sebelumnya iaitu pada 4 November 1904. Biarpun dilahirkan di balik persimpangan monumen gah al-Azhar as-Syarif yang dinamakan Darb Ahmar di Kaherah, namun keluarga beliau berasal dari keturunan at-Tilmisani yang berasal dari Algeria.

Datuknya, Abdul Qadir at-Tilmisani merupakan usahawan berjaya yang telah mengembangkan empayar pengusahaannya yang berakar umbi dari Algeria ke Mesir, lantas bermulalah penghijrahan nasab at-Tilmisani ke Perlembahan Nil. Bapanya pula, Abdul Fatah at-Tilmisani yang telah mengikuti jejak langkah ayahandanya dan mula mengukir nama di industri pengusahaan di kota Kaherah, akhirnya menjadi antara tokoh yan terkaya di negara itu.

Sejak usia muda, beliau sering menyertai perbincangan-perbincangan perihal ulum Islam yang diadakan di rumahnya oleh datuknya yang warak dan teguh berpegang dengan ajaran Islam yang sahih, malah

ada yang mengatakan datuknya berfahaman salafi. Pendedahan dari usia setahun jagung ini memberi kesan mendalam dalam diri beliau, terutama dalam membentuk jati diri Muslim yang padu dan tasawur Islam yang asli.

Pada usia matangnya menjangkau 18 tahun, bapanya telah membawanya bertemu seorang syeikh lantas menikahkan beliau dengan anak gadis syeikh tersebut. Agak terkejut dengan keputusan bapanya, Umar at-Tilmisani membantah pernikahan tersebut dan mengadukan perasanaanya kepada bondanya. Setelah pujukan, beliau menerima pernikahan tersebut dengan hati yang terbuka walaupun dua orang abangnya yang terawal masih belum mendirikan rumah tangga.

Beliau dan pasangan telah dikurniakan dengan empat cahaya mata; Abid, Abdul Fattah dan dua orang anak perempuan. Namun setelah 57 tahun hidup bersama, isteri beliau meninggal dunia pada tahun 1979.

Umar at-Tilmisani telah medapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jam'iah Khairiah, Kaherah dan meneruskan penddidikan menengahnya di Sekolah Menengah al-Hilmiyah sebelum melanjutkan pembelajarannya ke menara gading di Fakuti Undang-Undang. Seusai beliau menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda Undang-Undang, Umar at-Tilmisani dengan sikapnya yang berdikari dan gemarkan cabaran telah membuka firma guamannya sendiri di Shibin Qanatir, Qalyubiyyah.

Hasil daripada didikan agama dan pendedahan awal yang diterima, Umar at-Tilmisani tidak pernah lekang dari senantiasa memperkaya diri dengan pelbagai ilmu agama dan mentelaah kitab-kitab. Yang menjadi

keutamaan beliau ialah; ilmu tafsir al-Quran, hadis Nabawiah, fiqh, sirah, sejarah dan biografi para tokoh dunia. Hal ini membuatkan beliau sering menjadi rujukan masyarakat awam dan teman berdebat serta berdiskusi.

Umar at-Tilmisani telah menyertai jemaah Ikhwan Muslimin pada usianya 29 tahun, dan sejak kebersamaan beliau dengan Ikhwan Muslimin beliau telah dipenjarakan sebanyak tiga kali. Beliau telah dilantik sebagai Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang ke-3 pada tahun 1974, bagi menggantikan Hasan al-Hudhaibi, dan telah berkhidmat selama 12 tahun sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1986. Solat jenazah beliau telah didirikan di Masjid Umar Makram, Kaherah dan telah dihadiri oleh 4 juta jemaah.

Sepanjang hayatnya, beliau telah berjaya menghasilkan beberapa karya yang amat mengesani masyarakat awam terutama para Ikhwan sendiri. Makalah-makalah penulisan beliau kemudiannya dikumpulkun dan bukukan maka terhasillah kitab; Syahid al-Mihrab: Umar bin al-Khattab, Mereka Berkata Tapi Tidak Aku: Tentang Pemerintahan Jamal Abdul Naser, Yang Diberi Ilham dan Yang Dikurnia: Hasan Al-Banna, Wahai Pemerintah-Pemerintah Islam Tidakkah Kamu Takut Allah SWT? dan pelbagai lagi.

Umar at-Tilmisani amat dikenali sebagai seorang yang berhati mulia dan tidak menyimpan dendam dan tidak benci terhadap orang yang menyakitinya dan menzaliminya namun tetap teguh dengan prinsipnya.

DIDATANGI DUA ORANG PEMUDA

Sejak di bangku kuliah lagi beliau tertarik dengan

dunia politik dan pernah bergabung dengan Parti Wafd. Setelah menamatkan kuliahnya pada tahun 1933, beliau kemudian menyewa sebuah pejabat di Jalan Syabin al-Qanatir untuk dijadikan pejabat guaman miliknya. Kisah penyertaan beliau dengan jemaah Ikhwan bertitik tolak dari kunjungan dua orang pemuda Ikhwan ke rumahnya, mereka ialah Izzat Muhammad, seorang karyawan majalah dan Muhammad Abdul 'Aal, seorang pegawai berjawatan di stesen kereta api di daerah Abu Za'bal, Kaherah.

Mereka mengajak Umar at-Tilmisani untuk bersama dalam dakwah kerana kaum muslimin sudah banyak yang jauh dari agamanya. Kekuasaan Islam hancur dan tidak lagi berharga di mata bangsa-bangsa lain. Tersebut adalah cebisan dailog yang berlaku antara mereka di taman berdekatan Hayyu Zuhur;

"Engkau sedang buat apa di sini?" Kata Izzat Muhammad.

"Aku sedang menternak anak-anak ayam (dengan nada sinis)" Balas Umar at-Tilmisani

"Ada perkara yang lebih penting yang memerlukan ternakan kamu."

"Perkara apakah itu?"

"Umat Islam yang sudah jauh daripada agama dan sudah kehilangan kuasa di negara sendiri sehingga tiada lagi nilai pada umat ini."

"Sudah ada kerajaan dan al-Azhar untuk mengambil berat perkara tersebut. Itu bukanlah masalah kepadaku."

"Orang Islam hari ini tidak merasa kehadiran mereka,

adakah engkau setuju apabila ulama besar memenuhi jemputan berbuka puasa pesuruhjaya tinggi British dan di sisi mereka wanita dan pelayan Inggeris."

"Sudah tentu tidak, Maka apa yang aku perlu buat?"

"Engkau tidak keseorangan, di Kaherah ada jemaah Islam yang baik yang dipanggil Ikhwan Muslimin, diketuai oleh seorang guru sekolah rendah, namanya Imam Hasan al-Banna. Kami akan membuat temu janji untuk engkau berjumpa dengannya dan engkau boleh bertanyakan apa yang diseru dan kandungan isi yang dibawa olehnya."

Semangat agama yang membara dalam diri beliau akhirnya mendorong beliau untuk berjumpa dengan Imam Hasan al-Banna. Setelah kunjungan dua orang pemuda tersebut, Umar at-Tilmisani kemudian menemui Hasan al-Banna yang ketika itu tinggal di al-Khiyamah, kawasan Fathimiah, Kaherah. Beliau kemudian menyatakan pendiriannya untuk menyertai Ikhwan Muslimin pada tahun 1933.

LEMBUT DALAM SIFATNYA, TEGAS DALAM TINDAKNYA

Masyarakat awam yang sempat berkenalan dengan Umar at-Tilmisani pasti mengenali beliau sebagai seorang yang bersifat lemah lembut dan penuh dengan kasih sayang. Perwatakannya yang sopan santun dan rendah diri membuatkan sesiapa pun yang berurusan dengannya berasa senang. Beliau sering menasihatkan para pemuda yang berdarah ghairah dan tergesa-gesa dalam berjuang agar sentiasa sopan dalam teguh menegakkan prinsip, dan sabar dalam berjuang serta

hanya mengharapkan pahala dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat semata-mata.

Umar at-Tilmisani pernah berkata tentang dirinya,

"Aku tidak pernah mengetahui perasaan keras dalam diriku. Tidak ada keinginanku untuk mengasari seorang pun. Aku telah berjanji pada diriku sendiri untuk tidak menyakit seorang pun dengan kata-kata kasar, walaupun berbeza dan berselisih pendapat secara politik, walaupun mereka menyakitiku. Kerana itu, tidak pernah terjadi pergaduhan antara diriku dengan seorang pun disebabkan faktor peribadi."

Walaupun hampir dua dekad menghabiskan usianya di balik pepalang besi Mesir, diseksa dan ditekan secara fizikal dan emosi, namun tetap tidak mengubah sifat dalam dirinya yang lemah lembut dan bersopan santun. Malah, ketegasan beliau dalam berprinsip dan teguh jati diri amat terserlah apabila pandangan beliau terhadap keganasan tidak berganjak biarpun setelah melalui penghidupan di alam penjara yang amat menyeksa buat sekian lama.

Ketika diwawancara oleh jurnalis dari Majalah al-Yamamah dari Arab Saudi, edisi 14 Januari 1982, Umar at-Tilmisani berkata,

"Tabiat yang membesarkanku membuatku benci kekerasan, apapun bentuknya," tegas beliau. "Ini bukan hanya sikap politik, tapi adalah sikap peribadi yang terkait langsung dengan struktur keberadaanku. Bahkan, andai dizalimi, aku tetap tidak akan menggunakan kekerasan. Mungkin aku akan menggunakan kekuatan untuk mengadakan perubahan, tetapi sesekali tidak untuk kekerasan."

Biar di dalam mahupun di luar penjara, Umar at-Tilmisani dikenali sebagai seorang yang tegas pendiriannya. Beliau tidak pernah tunduk kepada ancaman musuh malah pernah menegur presiden Mesir, Anwar Sadat secara terbuka. Selain itu, beliau juga dikenali sebagai seorang yang bersederhana, amat menjaga kehormatan diri, hanya takut kepada Allah SWT dan hanya mengharapkan keredhaan-Nya. Beliau pernah berkata, "saya tidak pernah takut kepada siapa pun selama hidupku, kecuali kepada Allah SWT. Tidak ada yang dapat menghalangku mengucapkan kebenaran yang saya yakini, meskipun orang lain merasa berat dan saya mendapat kesusahan kerananya."

Kata pengarang Majalah Jaridah Ahrar,

"aku mengenalinya sejak 10 tahun lalu, aku tidak melihat padanya melainkan kebaikan dan ketakwaan. Beliau seorang yang tenang, pemaaf, kuat hujahnya serta menyeru kepada Allah SWT atas setiap perkara yang dilihat."

Kata Jabir Rizk, jurucakap Ikhwan Muslimin,

"Allah SWT telah memilih Umar at-Tilmisani sebagai pemimpin Ikhwan selama beberapa tahun selepas mehnahnya di dalam penjara yang berterusan hampir 20 tahun. Pengalamannya yang bertahun, penjara yang mematangkan dan anugerah dari Allah SWT kepada beliau."

TARBIAH UBAH SI KAYA JADI ZUHUD



Walaupun dibesarkan dalam suasana keluarga yang senang, berada dan bersatus sosial yang tinggi, Umar at-Tilmisani amat kaya dengan sifat zuhud dan rendah diri.

Beliau tidak pernah terperdaya dengan perhiasan dunia dan jawatan, bahkan beliau menjalani kehidupannya jauh dari godaan duniawi. Beliau tinggal di sebuah pangsapuri berkos sederhana yang sempit di Kompleks al-Mulaijiasy Sya'biyah al-Qadimah di wilayah az-Zuhur di Kaherah, yang memuatkan perabot rumahnya yang sangat bersederhana.

Itulah sifat murni Umar at-Tilmisani yang zuhud, sentiasa bersederhana dan rendah diri dalam menjalani hari-hari beliau. Dahulunya, beliau seringkali merasa janggal jika menaiki kereta api kelas ekonomi, namun berkat tarbiah Islamiah yang mengetuk pintu hatinya, membuatkan beliau tidak pernah lagi malu dalam hal itu. "Setelah lama berinteraksi dengan Ikhwan, saya merasa naik kereta api kelas ekonomi itu seperti naik kereta api kelas eksekutif," kata beliau pada suatu ketika.

Umar at-Tilmisani merupakan insan yang disayangi oleh semua lapisan masyarakat di Mesir. Malah penganut agama Kristian Koptik pun mencintai beliau kerana perwatakannya yang lemah-lembut. Pembesar-pembesar dan pemimpin zaman itu pun mengiktiraf kedudukannya dan menghargaai keistimewaan serta peranan beliau di tengah-tengah masyarakat Mesir. Hal ini jelas dapat disaksikan apabila lebih empat juta rakyat Mesir hadir semasa solat jenazahnya, disamping dihadiri sendiri oleh Syeikh al-Azhar dan Perdana Meteri Mesir pada ketika itu.

Syeikh Muhammad Abdullah al-Khatib pernah berkata,

"Apabila Ustaz Umar ingin menyemak tulisannya, beliau selalu datang ke pejabatku dan berkata, "Demi Allah!

betulkanlah kesalahan-kesalahan yang kamu temui, jangan merasa segan."

Inilah contoh sifat rendah diri Umar at-Tilmisani yang sering terpancar apabila beliau amat senang untuk meminta orang yang lebih berilmu dalam sesuatu perihal yang tertentu untuk menyemak tulisannya, meskipun orang itu lebih muda usianya dari beliau.

Diceritakan lagi, salah seorang yang pernah menjadi pemandu Umar at-Tilmisani pernah berkata,

"Aku berpengalaman membawa ramai orang berjawatan tinggi dan tokoh-tokoh besar, tetapi saya belum pernah melihat seorang insan seperti Syeikh Umar dari segi akhlaknya yang luhur, penuh rendah diri dan rasa malu, sifat iffah (menjaga kehormatan), kezuhudan, dan kelembutannya. Beliau sering duduk di sebelahku di dalam kereta padahal pada kebiasaannya para tokoh besar akan duduk di belakangku. Beliau berkenalan denganku, bertanya tentang keluargaku, anak-anakku, dan keadaan kami dengan lemah lembut dan kasih sayang yang jernih kelihatan. Beliau juga selalu mengajakku duduk di sampingnya dalam setiap jamuan makan."

TEMAN SETIA AL-BANNA

Umar at-Tilmisani juga agak rapat dengan as-Syahid Iman Hasan al-Banna. Semasa menghadiri satu muktamar di Manzilah, Daqliah, Mesir, setelah muktamar tersebut selesai dan waktu tidur telah tiba, beliau yang ditemani oleh Imam Hasan al-Banna menuju ke tempat tidur yang memiliki dua buah kamar. Kedua-duanya pun merebahkan diri di tempat tidur masing-masing. Setelah seketika, Imam Hasan Al-Banna berkata;



"Engkau sudah tidur, wahai Umar?"

"Belum," jawab Umar at-Tilmisani.

Beberapa ketika kemudian, Imam Hasan al-Banna bertanya lagi dan jawapan yang sama diberikan Umar at-Tilmisani. Lalu Umar at-Tilmisani berkata dalam hatinya, "apabila beliau bertanya lagi, maka aku tidak akan menjawabnya." Imam Hasan al-Banna bertanya sekali lagi kepada Umar at-Tilmisani tetapi kali ini beliau kekal senyap seperti yang direncananya lalu Imam Hasan al-Banna menyangka Umar at-Tilmisani telah tidur, maka beliau pun keluar dari bilik tidur dengan mengendap-ngendap sambil memegang seliparnya. Beliau menuju bilik mandi untuk memperbaharui wuduknya bagi melaksanakan solat tahajud.

Kisah ini menunjukkan hubungan rapat antara Imam Hasan al-Banna dengan Umar at-Tilmisani, di samping menunjukkan begitulah cara Imam Hasan al-Banna mendidik para Ikhwan untuk melazimi solat tahajud iaitu dengan melaziminya secara sembunyi. Menurut Umar at-Tilmisani, Allah SWT sendiri akan menyampaikannya sebagai pengajaran kepada manusia, seperti mana kisah ini sampai kepada kita pada hari ini.

IKHWAN MUSLIMIN KE KANCAH POLITIK

Selepas Umar at-Tilmisani menjadi Mursyidul Am Ikhwan Muslimin, beliau telah memberi kesan yang besar dalam penyusunan Ikhwan untuk melakukan kerja-kerja am dan penyertaan yayasan-yayasan masyarakat awam dan kerajaan. Umar at-Tilmisani juga turut turun padang dan sentiasa bersama dengan masyarakat bagi mengembalikan gambaran jemaah Ikhwan yang jelas dan murni, setelah diburukkan selama sekian lamanya,

sepanjang pemerintahan Jamal Abdul Naser, presiden Mesir pada ketikanya.

Selepas berlaku perubahan dalam sistem politik di Mesir dari penguasaan satu komponen yang terdiri daripada tiga kumpulan kepada tiga parti yang berbeza. Parti Mesir dibawah pimpinan Mamduh Salim, Perdana Menteri pada ketika itu, Parti Buruh Sosialis di bawah pimpinan Ustaz Ibrahim Syukri dan Parti Liberal Sosialis di bawah pimpinan Ustaz Mustafa Kamal Murad.

Kemudian wujud Parti al-Wafd al-Jadid di bawah pimpinan Fuad Sirajuddin yang diwujudkan kembali selepas dibubarkan dengan keputusan mahkamah tiga bulan sebelum pilihanraya 1984. Ikhwan Muslimin telah melakukan kerjasama politik bersama Parti al-Wafd al-Jadid di mana calon Ikhwan telah berjaya memenangi lapan kerusi, antaranya ialah Husni Abdul Baqi, Abdul Ghaffar Aziz, Hasan al-Jamal, Muhammad al-Maraghi, Muhammad al-Shashtani, Mahfuz Hilmi dan Hasan Jaudah.

Usaha penghapusan jemaah Ikhwan Muslimin telah berlaku sejak zaman pemerintahan Anwar Sadat, presiden ketiga Republik Mesir. Sehinggakan tiba zaman pemerintahan Husni Mubarak, tiada lagi sebab atau alasan rekaan bagi kerajaan Mesir untuk mengharamkan Ikhwan Muslimin. Lantas, tidak cukup bagi Ikhwan Muslimin setakat menzahirkan kewujudannya di surat khabar rasmi mereka iaitu al-Da'wah dan sekadar hanya menaja aktiviti-aktiviti kebajikan sosial sahaja, malah Umar at-Tilmisani mengambil langkah menyusun strategi untuk bertanding di pilihanaya 1984.

"Apabila kami telah dilepaskan dari tahanan pada

tahun 1981, kami mengalami kemelesatan ekonomi. Kemudian kami mencari jalan yang membolehkan kami bergerak melakukan aktiviti tanpa melanggar undang-undang. Allah SWT telah memberi ilham kepada kami dan memperlihatkan ia sesuai bagi kami agar kami dilihat secara rasmi. Sesi parlimen baru sahaja berakhir dan kami telah mula berfikir tentang pilihanraya parlimen yang mendatang. Ia adalah peluang seumur hidup, jika ikhwan tidak mengambil peluang ini, sudah pasti mereka akan tergolong ke dalam golongan yang menyesal," kata Umar at-Tilmisani.

Tanpa melepaskan peluang politik tersebut, Umar at-Tilmisani membincangkan kerjsama bersama Parti al-Wafd. Bagi menunjukkan keseriusannya dalam kerjasama itu, beliau menerangkan pada tahun 1980 bahawa beliau merupakan penyokong kuat Parti al-Wafd dalam masa yang sama menjadi ahli setia Ikhwan. Pada tahun 1984, di rumah Sirajudin Fuad, pengerusi Parti al-Wafd, sebuah persepakatan telah dicapai. Logik yang dapat dilihat di sini ialah Parti al-Wafd memberikan saluran rasmi kepada Ikhwan Mislimin untuk bergerak di arena politik dan sebagai ganti, Ikhwan memberikan sokongan popular kepada parti tersebut.

Kedua-duanya ingin mendapatkan kembali tempat mereka di pentas nasional serta memenangi kembali hati rakyat Mesir selepas bertahun-tahun mereka diharamkan oleh negara Mesir. Sukacitanya hasil Pilihanraya Parlimen 1984, daripada 448 kerusi parlimen, Parti al-Wafd berjaya memenangi 58 kerusi, termasuk lapan kerusi dimenangi oleh calon Ikhwan dan dua lagi kerusi dimenangi oleh dua calon islamis bebas.

Namun begitu, pihak lawan sentiasa mencari ruang untuk memutuskan kerjasama antara Parti al-Wafd dan

Ikhwan dalam parlimen. Pelbagai undang-undang yang menyekat kerjasama antara pati-parti lawan termasuk kedua-dua entiti ini mula dikuatkuasakan lalu sedikit demi sedikit melemahkan ikatan politik antara mereka. Walaubagaimanapun, Pilihanraya Parlimen 1984 berjaya menyaksikan Ikhwan antara pemain utama di arena politik Mesir.

SENTAPAN UMAR AT-TILMISANI KEPADA PRESIDEN MESIR

Terdapat satu forum dialog terbuka di Kota Isma'iliah yang yang dihadiri ribuan hadirin dan disiarkan secara langsung oleh radio dan televisyen tempatan, yang telah dihadiri Umar at-Tilmisani dan presiden Mesir pada ketika itu, Anwar Sadat. Anwar Sadat dengan sewenang-wenangnya telah menuduh Ikhwan Muslimin sebagai dalang fitnah sekretariat kepada negara, semasa ucapannya. Beliau juga telah mengemukakan pelbagai dakwaan palsu yang lain yang secara langsung memburukkan nama Ikhwan Muslimin di mata para penonton.

Maka, tiada pilihan lain bagi Umar at-Tilmisani kecuali untuk berdiri menjawab tuduhan-tuduhan tersebut dengan tegas walaupun beliau dikenali sebagai seorang yang lemah lembut dan bersopan santun. Beliau berkata,

"Siapa pun yang berlaku zalim kepadaku, maka biasanya akan aku adukan kepada anda wahai Anwar, kerana andalah rujukan tertinggi bagi negara ini, setelah Allah SWT, bagi orang-orang yang ingin mengadu. Sekarang, kezaliman itu datang dari anda, maka itu aku adukan anda kepada Allah!"



Mendengar kata-kata tajam sedemikian rupa, Anwar Sadat terkejut dan gementar, takut akan aduan seorang hamba yang soleh (Umar at-Tilmisani) kepada Allah SWT. Umar at-Tilmisani kemudiannya diminta untuk menarik balik aduannya kepada Allah SWT. Lalu Umar at-Tilmisani menjawab dengan padu, tegas dan sopan,

"Saya tidak mengadukan anda kepada pihak yang zalim, tapi kepada Allah yang Maha Adil. Dialah yang mengetahui segala yang saya katakan!"








IKHWANWIKI.COM





ISI KANDUNGAN

NAKHODA 3

MURSYIDUL AM KE-4



Hamid Abu Nasr

DENGAR & TEROKAI

Podcast · Garis hayat · Kata hikmah

ISI KANDUNGAN

SESUNGGUHNYA

KAMI TIDAK AKAN BERUNDING BERKENAAN BUMI PALESTIN

SELAMANYA KERANA PALESTIN ADALAH MILIK

UMAT ISLAM

Hamid Abu Nasr

Muhammad Hamid Abu Nasr

PEJUANG TELADAN DALAM DAKWAH

PEMUDA DARI ASYUT

Muhammad Hamid Abu an-Nasr merupakan Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang ke-4, dilahirkan pada 25 Mac 1913, di bandar Manfalut, negeri Asyut, Mesir. Datuk beliau bernama Abu an-Nasr juga terkenal sebagai seorang ulama al-Azhar, beliau ialah penyair dan penulis dan merupakan salah seorang tokoh pencetus kebangkitan kesusasteraan di Mesir pada Era Khadiwi Ismail. Muhammad Hamid Abu Nasr hidup dalam keluarga yang kuat dengan pegangan agama, sastera, dan politik.

Beliau berjaya memperoleh sijil al-Kafa'ah (sekolah menengah) pada tahun 1933. Ketika beliau berumur sekitar 20-an beliau sangat aktif dalam aktiviti persatuan, antaranya beliau terlibat dalam aktiviti persatuan amal Islami. Beliau juga adalah salah seorang anggota Jamiah Islah Ijtimai di Manfalut pada tahun 1932 dan menjadi anggota Persatuan Pemuda Muslimin pada tahun 1933. Jiwa mudanya yang kuat mendorong beliau melangkah lebih jauh dalam misi hidupnya.

Muhammad Hamid Abu Nasr juga merupakan antara orang yang terawal menyertai barisan dakwah Ikhwan Muslimin di daerah perkampungan Asyut. Beliau pernah diamanahkan sebagai Ketua Cawangan Daerah Manfalut

untuk beberapa ketika dan dalam masa 5 tahun sahaja cawangan yang ditadbir oleh beliau menjadi cawangan yang sangat aktif dan positif. Setelah itu beliau dilantik menjadi Ahli Lembaga Majlis Syura Am dalam Ikhwan dan tidak lama selepas itu beliau dilantik pula menjadi anggota Maktab Irsyad, biro pimpinan tertinggi Ikhwan.

Pada tahun 1954, beliau telah ditangkap dan dipenjara lebih kurang 20 tahun di penjara Mesir dan dikenakan hukuman kerja berat sepanjang tempoh di dalam penjara. Seusai 20 tahun di sana, beliau dilepaskan pada tahun 1974 dan tanpa berlengah beliau meneruskan fokus dalam kerja dakwah. Beliau kemudiannya diangkat menjadi Mursyid Am Ikhwan Muslimin bagi menggantikan Umar at-Tilmisani pada tahun 1986. Muhammad Hamid Abu Nasr meninggal dunia pada usia 83 tahun, tepat pada hari Sabtu pagi tanggal 20 Januari 1996.

PUJIAN DARI TOKOH-TOKOH DI SEKELILINGNYA

Muhammad Hamid Abu Nasr ialah seorang yang tabah dan ikhlas, tidak pernah luntur prinsipnya walaupun dipenjarkan untuk suatu tempoh yang lama, dan tidak perna lemah apabila berdepan dengan fitnah dan dugaan, sehingga beliau menjadi contoh dalam keikhlasan dan kejujuran iman, buat para penggerak Ikhwan yang muda. Beliau memenuhi janjinya setelah bersaksi sumpah setia bersama Ikhwan, bersungguh-sungguh dalam memerah keringat, mencurahkan idea dan menyerahkan jiwa dan raganya serta sentiasa kuat dalam usaha memikul amanah risalah sekalipun umurnya semakin meningkat.



Lebih 60 tahun hidupnya bersama Ikhwan Muslimin banyak memberi kesan mendalam kepada semua ahli

Ikhwan dan secara tidak langsung mempengaruhi hala tuju perjalanan Ikhwan. Walaupun 20 tahun hidupnya dihabiskan di sebalik penjara besi, keazaman beliau yang kuat di atas jalan dakwah terus menjadikan beliau seorang lagenda dalam dunia dakwah serta memberikan roh baru pada generasi pelapis. Beliau juga bersungguh-sungguh dalam misinya untuk membebaskan negara dari penjajah.

Sifat agung yang tersemat di dalam dirinya ini adalah kerana kefahaman dan penyerahan dirinya secara total di dalam dunia dakwah. Pelantikan beliau sebagai Ketua Cawangan Manfalut jelas menunujukkan ketokohan beliau dalam menyusun dan mengendalikan sistem jemaah. Hali ini kerana usaha beliau dalam mengikuti sistem tarbiah yang disusun Ikhwan Muslimin kepada setiap ahlinya, dengan penuh penghayatan. Ia terpancar seperti satu lambang atau bendera yang tiap saatnya berkibar menyebarkan kebenaran.

Kata-kata seorang penulis terhadap peribadi Muhammad Hamid Abu Nasr;

"Saya melihat beliau sebagai satu sosok tubuh yang memiliki fanatisma keimanan, berjiwa kental dan semangat muda, berani seperti pahlawan, bijaksana laksana ulama, kaya dengan pengalaman, penuh dengan cahaya keimanan, memiliki kasih sayang laksana bapa, kecintaan laksana seorang kekasih, interaksi yang jujur laksana seorang sahabat, memberi bimbingan laksana seorang guru, kebaikan yang memberikan teladan, keikhlasan sang murabbi, selalu menginspirasi orang sekeliling dengan penuh wibawa dan karisma, akhlak yang murni, seakan insan yang memiliki kesempurnaan. Terlihat pada wajahnya kegigihan mengembeleng tugas dakwah dengan penuh kesungguhan dan optimisma,

dengan akhlak yang mulia, penuh kasih sayang, cinta, wibawa, dermawan, ikhlas dan mempunyai unsur kebapaan."

Ustaz Abdullah Aqil juga pernah menceritakan;

"Ketika waktu pembelajaranku di universiti pada tahun 1949, aku melihat Muhammad Hamid Abu Nasr dari jauh di perkumpulan besar-besaran Ikhwan Muslimin, ketika itu beliau sedang melawat Kota Soied bersama sahabat beliau yang juga merupakan anggota Maktab Irsyad Am dan juga Haiah Ta'sisiah, Majlis Syura Kaherah. Aku tidak pernah berjumpa beliau dari dekat tetapi aku mendengar pujian terhadap beliau atas kejantanannya, keberanian, kemuliaan, kesungguhan beliau dalam dakwah, hubungan beliau dengan organisasi, penghormatan beliau terhadap pimpinan, penjagaan beliau terhadap perjalanan jemaah Ikhwan, dan ikatan beliau dengan sistem dan maklumat yang turun dari pengasas Ikhwan dan pimpinannya."

Selain itu, Ustaz Abdullah Tantawi juga pernah menyebut;

"Adapun antara perkara penting yang dilakukan Imam Hasan al-Banna adalah mentarbiah generasi pimpinan, membentuk peribadi mereka sehingga mampu memikul tugas-tugas berat, lebih-lebih lagi ketika mehnah dan ujian. Sesungguhnya telah diketahui bahawa jalan dakwah ini tidak dihampar dengan karpet merah tetapi dipenuhi dengan onak dan duri di setiap liku perjalanannya yang mengancam lagi merbahaya yang bakal menguji setiap aspek pentarbiahannya sehingga tiada terdapat lagi kelompongan.

Muhammad Hamid Abu Nasr ialah antara hasil tarbiah madrasah Imam Hasan al-Banna. Secara tidak

langsung, sifat-sifat hasil pentarbiahan yang beliau dapat antaranya berani dalam menghadapi apa jua rintangan, dipercayai dan disegani dalam kalangan alhi Ikhwan serta nilai pengorbanan yang tinggi dalam amal dakwah. Muhammad Hamid Abu Nasr tidak hanya dikagumi dan dihormati di Mesir sahaja, bahkan di setiap tempat yang terdapat padanya organisasi Ikhwan Muslimin. Beliau ialah saksi sejarah pada masanya yang secara sempurna menceritakan peristiwa dan kejadian yang dialaminya, serta cara untuk berpegang teguh kepada prinsip dakwah di tengah-tengah masyarakat dan arena politik, di dewan Kota Raya mahupun desa.

Beliau pernah merasai kehidupan di bawah sistem parlimen, hidup pada masa yang penuh dengan tipu daya, fitnah dan penuh sengketa, berhadapan dengan ancaman dan tuduhan-tuduhan palsu. Beliau adalah teladan dalam pelbagai sikap walau tubuh fizikalnya semakin lemah dimamah banyaknya ujian, siksaan dan usia, hingga akhirnya beliau kembali kepada yang Maha Kuasa, bertemu dengan Sang Pencipta setelah memberikan pengorbanan jiwa dan ruh dengan penuh bersungguh, gigih, sabar bagi memenuhi janjinya di atas jalan dakwah."

Ulasan Dr. Mohammed Badie pula;

"Muhammad Hamid Abu Nasr pernah berkata kepadaku bahawa tanda bersungguh di atas jalan dakwah ini adalah pada sifa wafa' iaitu tabah dan tetap. Kau bukan sahaja mendengar beliau mengucapkan kata-kata ini di bibirnya, malah aku menyaksikannya sendiri melalui perbuatannya ketika aku menziarahi beliau di Manfalut, yang mengambil masa perjalanan selama 15 jam dari Kaherah. Muhammad Hamid Abu Nasr juga merupakan contoh insan yang ikhlas dalam perjuangan."

MUHAMMAD HAMID ABU NASR DAN IMAM HASAN AL-BANNA

Kisah beliau bermula ketika beliau berkawan rapat dengan Syeikh Suwailim, seorang yang mengenali Imam Hasan al-Banna, sejak berumur belasan tahun. Syekh Suwailim sering menceritakan tentang kisah Imam Hasan al-Banna kepadanya. Muhammad Hamid Abu Nasr mendengar kisah-kisah dari Syeikh Suwailim dengan rasa takjub dan berminat terhadap perwatakan Imam Hasan al-Banna lalu beliau menyimpan hasrat untuk berjumpa dengannya.

Pada tahun 1934 Ustaz Mohamed Abdul Dayem, seorang alhi Ikhwan, memberitahu Muhammad Hamid Abu Nasr bahawa Mursyid Am Ikhwanul Muslimin, Imam Hasan al-Banna akan berkunjung ke Jam'iah Syubbanul Muslimin di daerah Asyut untuk memberi ceramah agama. Muhammad Hamid Abu Nasr berasa teruja dengan perkabaran tersebut lantas menghubungi Imam Hasan al-Banna untuk menjemput beliau berkunjung di pekan Manfalut. Imam Hasan al-Banna bersetuju dengan pelawaan tersebut serta sempat menyampaikan ceramah di Manfalut.

Setelah Imam Hasan al-Banna selesai menyampaikan ceramahnya, Muhammad Hamid Abu Nasr datang berjumpa Imam Hasan al-Banna di bilik sewa beliau ketika beliau sedang bersiap untuk tidur. Mereka berbincang bagaimana caranya untuk mengembalikan umat Islam kepada erti Islam yang sebenar. Beliau berkata kepada Imam Hasan al-Banna, "apakah cara yang tepat untuk mengembalikan umat Islam kepada zaman keemasan dan kemuliaan seperti masa lalu?" Imam Hasan al-Banna

bertanyakan kembali kepadanya, “jadi menurutmu bagaimana?”

Lalu Muhammad Hamid Abu Nasr menjawab, “satu-satunya cara untuk kembali kepada kemuliaan umat seperti masa lalu adalah dengan kekuatan dan kuasa.” Imam Hasan al-Banna tertarik dengan jawapan tersebut lantas beliau turun dari tempat tidurnya dan menghadap ke arah Muhammad Hamid Abu Nasr lantas bertanya lagi, “kemudian apa lagi? Katakanlah!” Lalu Imam Hasan al-Banna mengambil senaskah al-Quran dan menunjukkannya kepada Muhammad Hamid Abu Nasr lalu berkata, “adakah engkau akan berjanji ke atas dua perkara ini, al-Quran dan kekuasaan?”

Muhammad Hamid Abu Nasr menjawab, “Ya, dengan penuh kekuatan dan perasaan, dan saya tidak mengimaninya kecuali kerana balasan Allah SWT yang tiada tandingnya, dan kebahagiaan yang abadi yang diinginkan Allah SWT melalui ilmu-Nya.” Dengan ini jelaslah bahawa maksud al-Quran yang berdekatan dengan penguasaan adalah isyarat kepada pemeliharaan aqidah yang benar disertai dengan faktor kekuatan luaran, seperti firman Allah SWT di dalam Surah al-Anfal, ayat ke-60 yang bermaksud;

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan, dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan (dengan persediaan itu) musuh Allah SWT dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya.”

PERKABARAN DARI PENJARA TUROH

Ahli Ikhwan termasuk Muhammad Hamid Abu Nasr telah dimasukkan ke dalam penjara Turoh yang terletak di selatan kota Kaherah, di mana keadaan di dalam penjara itu amat dahsyat, sempit, menyeksa serta mengerikan. Penjara tersebut sengaja digunakan oleh pihak berkuasa bagi menambahkan tekanan mental dan fizikal kepada para tahanan supaya mereka terpaksa memberi pengakuan terhadap kempimpinan Presiden Jamal Abdul Naser.

Biarpun keluarga mereka datang melawat dan memujuk mereka supaya menuruti paksaan pihak berkuasa untuk memberi taat setia kepada kempimpinan Jamal Abdul Naser. Habuannya jika mereka menerima tuntutan tersebut, mereka bakal dibebaskan, akan tetapi Muhammad Hamid Abu Nasr tetap dengan pendiriannya iaitu menolak kempimpinan presiden ketika itu. Hal ini kerana beliau menduga jika beliau membuat keputusan untuk menerima kepimpinan presiden pada ketika itu maka ia pasti akan memberi impak besar kepada jemaah pada ketika itu.

Dalam pada itu, walaupun keadaan penjara yang begitu dahsyat, Muhammad Hamid Abu Nasr serta para Ikhwah yang lain masih menjaga amal ibadah mereka dan tekad meneruskan aktiviti harian mereka dengan membaca al-Quran dan berkumpul untuk bermuhasabah sesame sendiri kerana mereka tidak merasakan ia satu seksaaan semata tetapi sebagai ujian dari Allah SWT untuk menguji kesetiaan mereka di atas jalan dakwah ini.

PENDAKWAH YANG DISEGANI



Muhammad Hamid Abu Nasr sememangnya seorang tokoh yang dikenali sifatnya yang bekerja keras di

dalam dunia dakwah, bumi yang dipijak sebagai saksi ke atas usaha beliau dalam menyebar hidayah ke seluruh alam. Bermula dengan penyertaan beliau ke dalam Ikhwan Muslimin, ditambah pula apabila dilantik beliau sebagai pimpinan, hinggalah ke urusan beliau di dalam gelanggang politik Mesir. Beliau juga dikenali dengan prinsipnya yang lantang dan tetap walaupun dipukul ombak mehnah dan tribulasi yang deras.

Beliau mula bergiat dan beramal dalam gerak kerja dakwah setelah beliau mengikat janji setia kepada Ikhwan Muslimin pada tahun 1933. Beliau juga merupakan antara orang yang terawal menyertai Ikhwan sewaktu umur beliau menjangkau 20-an. Ciri-ciri kepimpinan beliau terserlah semasa beliau memimpin cawangan Ikhwan Muslimin di Manfalut. Beliau juga merupakan antara ahli Maktab Irsyad yang terlibat secara langsung dalam menentukan polisi dan perlembagaan jemaah, serta memeliharanya dari segala unsur khianat dan penyelewengan.

Selain itu, semasa zaman kepiminannya juga terdapat ramai ahli Ikhwan yang terlibat di dalam dewan parlimen dan terdapat juga sebahagian ahli Ikhwan yang menjadi Anggota Dewan Negara Mesir. Pada ketika itu, jemaah menyaksikan perkembangan yang pesat dan kemajuan yang gemilang di bawah kepimpinan Muhammad Hamid Abu Nasr, Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang ke-4.

Di bawah tampuk pemerintahan Muhammad Hamid Abu Nasr, Ikhwan Muslimin telah melalui beberapa fasa di alam politik termasuk penggabungannya ke dalam beberapa persatuan professional, kelab pembelajaran universiti dan beberapa badan-badan bukan kerajaan. Ikhwan Muslimin juga telah menghantar calonnya

semasa Pilihanraya Parlimen pada April 1987, di mana mereka bersekutu dengan Parti Buruh dan Parti Liberal, yang membolehkan 36 orang calon Ikhwan berada di Dewan parlimen, jumlah terbesar setakat itu.

Peristiwa ini telah memberi peluang kepada Ikhwan untuk menyatakan bantahan mereka terhadap sistem kerajaan pada masa itu serta membentangkan pendirian dan perancangan mereka dengan lebih berkesan. Ikhwan juga turut terlibat dalam pembaharuan Majlis Syura Am pada tahun 1989 serta memboikot Pilihanraya Parlimen pada tahun 1990, di mana kumpulan-kumpulan lain dari parti-parti pembangkang ikut serta dalam bantahan terhadap kesinambungan undang-undang darurat yang tidak wajar dan ketiadaan perlindungan yang cukup bagi menjaga integriti pilihanraya.

Pada tahun 1992, Ikhwan Muslimin turut menang dalam pilihanraya kesatuan profesional. Pada tahun 1993 kepimpinan Ikhwan membantah Presiden Mubarak yang bakal melanjutkan pemerintahannya bagi penggal yang ketiga. Hal ini menimbulkan kemarahan kerajaan ke atas Ikhwan dan 82 orang daripada barisan kepimpinan dihadapkan di mahkamah tentera pada tahun 1995 dan 54 ahli teras Ikhwan telah dimasukkan kedalam penjara, namun Ikhwan Muslimin tetap mengambil bahagian dalam Pilihanraya Parlimen pada bulan November 1995.

Pergerakan Ikhwan Muslimin menjadi lebih stabil dalam aspek perancangan dan penyusunan strategi politik di bawah kepimpinan Muhammad Hamid Abu Nasr. Hal ini dipercayai hasil dari kebijaksanaan beliau yang diperoleh daripada bertahun-tahun penglibatan Ikhwan dalam arena politik serta segala mehnah yang dihadapinya yang akhirnya membentuk peribadinya yang mahir akan selok-belok politik. Beliau juga berjaya

memperkenalkan struktur pentadbiran dan organisasi yang baru, iaitu melalui pelaksanaan prinsip perundingan dalam pemilihan pemimpin di semua peringkat di dalam jemaah Ikhwan Muslimin, termasuklah keanggotaan Maktab Irsyad.

Mengenali sosok tubuh Muhammad Hamid Abu Nasr yang benar dalam akidahnya dan fikrahnya, kental jiwanya dan berhemah dalam tutur katanya, serta bersungguh dalam amal kerjanya, beliau pernah berkata;

> *"Sesungguhnya mereka yang bergabung bersama Ikhwan Muslimin kebanyakannya akan menghadapi kematian akan tetapi fikrah atau ideologi Ikhwan Muslimin tidak akan sekali-kali hilang dari pegangan jutaan manusia kerana fikrah mereka adalah fikrah Islam."*

Pernah satu ketika beliau menegaskan pendiriannya tentang isu Palestin, beliau berkata;


> *"Kami tidak akan memperdagangkan bumi Palestin kerana ianya milik umat Islam"*
















ISI KANDUNGAN

NAKHODA 4

MURSYIDUL AM KE-5



Mustafa Masyhur

DENGAR & TEROKAI

Podcast · Garis hayat · Kata hikmah

ISI KANDUNGAN

TARBIYAH

BUKAN SEGALA-GALANYA
TETAPI SEGALA-GALANYA
BERMULA DENGAN
TARBIYAH

Mustafa Masyhur

Mustafa Masyhur

DAKWAH MERENTAS BENUA

AHLI METEREOLOGI YANG MENGGEGAR ARUS

Tokoh yang amat dikenali dan disegani ini dilahirkan pada 15 September 1921 di Perkampungan Sa'din, Kota Manya al-Qamh, Mesir. Beliau dididik di dalam suasana keluarga yang sangat berpegang teguh dengan ajaran agama. Pendidikan awalnya bermula dengan memasuki madasah al-Quran dan telah memulakan hafalan al-Quran sejak kecil sepertimana kebiasaan kanak-kanak di Mesir dan menghabiskan hafalannya dalam masa dua tahun. Beliau melanjutkan pelajarannya ke sebuah sekolah menengah rendah di Bandar Manya al-Qamh.

Beliau kemudian meneruskan pengajiannya di sekolah menengah tinggi di Zaqaziq dan menetap di situ. Setelah tinggal di Zaqaziq selama dua tahun, beliau mengikuti keluarga beliau untuk berpindah ke Kaherah dan menyempurnakan sekolah menengah tingginya di sana. Keputusan akhir persekolahannya yang cemerlang melayakkannya melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda Sains di Fakulti Sains, Universiti Fuad I (kini Universiti Kaherah), dan berjaya menamatkannya pada tahun 1942.



Selepas tamat pengajian di menara gading, beliau memulakan kerjayanya sebagai pegawai kaji cuaca

di Jabatan Metereologi di Kaherah. Beliau berpindah ke Iskandariah untuk menghabiskan satu sesi kursus praktikal selama setahun, kemudian kembali semula ke Kaherah untuk meneruskan kerjanya sebagai ahli ramal kaji cuaca.

Beliau mula menyertai pertubuhan Ikhwan Muslimin sejak awal usia mudanya semasa beliau baru berpindah dari Zaqaziq ke Kaherah. Umur beliau ketika itu ialah 15 tahun. Beliau kemudiannya digabungkan ke dalam Nizam Khas ketika berumur 19 tahun.

LUHUR PERIBADINYA

Terdapat beberapa sifat peribadi yang jelas zahir pada perwatakan beliau yang menyebabkan beliau mudah diterima oleh masyarakat dan dihormati sebagai mursyidul am dalam kalangan ahli Ikhwan Muslimin. Menurut sahabat-sahabat beliau yang rapat dalam kalangan ahli Ikhwan Muslimin dan ahli keluarga, beliau merupakan seorang yang berpegang teguh dengan agama hingga ke akhir hayatnya, berani menegakkan kebenaran, bersabar dalam perjuangan, rajin menuntut ilmu serta kuat menulis dan menyebarkan dakwahnya melalui medium penulisan.

Hasil didikan awal yang diterapkan sejak di bangku sekolah, lahirlah peribadi yang cintakan ilmu. Kemampuan beliau menghafal al-Quran dalam tempoh dua tahun ketika usia kecilnya menjadikannya mudah mencerap segala ilmu dan mencintainya dengan mendalam. Masa-masanya banyak dihabiskan dengan menghadiri majlis ilmu. Malah, sifat cintakan ilmu itulah yang menjadi pintu kepada pengenalan beliau

dengan pengasas Ikhwan Muslimin, mursyidul am yang pertama, Imam as-Syahid Hasan al-Banna.

Kisah ini merupakan antara coretan-coretan akhir yang berlaku dalam hayat hidupnya sebagai seorang Muslim yang melazimi ibadah dalam apa sahaja keadaaan pun. Peristiwa ini berlaku pada 29 Oktober 2002. Selepas pulang dari pejabat tempat kerjanya, beliau berehat seketika sementara menunggu masuk waktu solat fardu Asar. Apabila azan dilaungkan, anak perempuan beliau cuba mengejutkannya dari tidur, tetapi mendapati diri beliau begitu tidak bermaya sekali. Ternyata Mustafa Masyhur diserang penyakit yang luar biasa.

Melihatkan keadaan bapanya yang agak teruk, si anak tersebut menasihat bapanya supaya menunaikan solat Asar di rumah sahaja. Namun tarbiah jitu yang diterimanya dalam Ikhwan Muslimin serta peribadi beliau yang berpegang teguh dengan agama menyebabkan beliau tetap bertegas untuk menunaikan solat fardu di masjid. Beliau telah menghalang diri beliau sendiri untuk menunaikan solat fardu di tempat selain daripada masjid.

Lalu Mustafa Masyhur terus bersiap dan pergi menunaikan solat di masjid berdekatan kediamannya yang biasa menjadi rutin hariannya. Seusai menunaikan solat, beliau sudah tidak berdaya untuk bergerak malah tidak mampu untuk melakukan apa-apa lagi. Orang ramai menghantarkannya ke hospital dan beliau dimasukkan ke dalam wad selama lebih kurang dua minggu. Akhirnya pada petang hari Khamis, beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika berumur 83 tahun.

PEMUDA BERHARGA

Beliau menyertai Ikhwan Muslimin lapan tahun selepas penubuhannya iaitu pada tahun 1936. Kisah penyertaan beliau bermula ketika beliau tinggal di Kaherah. Di sana, beliau sering ke masjid berhampiran kediamannya yang dinamakan Masjid al-Hayah. Ketika itu beliau berumur 15 tahun. Pada suatu hari, ketika beliau sedang duduk beriktikaf di masjid, beliau melihat seorang lelaki sedang menyebarkan risalah tentang ceramah agama di sebuah masjid lain yang berdekatan. Beliau mendekati lelaki tersebut dan memulakan perbualan.

Lelaki yang menyebarkan risalah tersebut sangat kagum melihat seorang pemuda yang berumur 15 tahun menunjukkan minat yang sangat tinggi terhadap ilmu, lalu dia memberikan penerangan ringkas tentang dakwah Ikhwan Muslimin dan mengajak beliau ke ceramah yang diadakan di Markaz Ikhwan Muslimin di Kaherah.

Kerana sifatnya yang sangat cintakan ilmu dan majlis pengajian agama, beliau menghadirkan diri ke majlis itu. Di akhir ceramah, penceramah berkenaan mengumumkan tentang kehadiran seorang lagi tokoh tersohor ke situ untuk menyampaikan ceramah iaitu Imam Hasan al-Banna. Gaya penyampaian yang sangat menarik, menyentuh hati serta ilmu pengetahuan tinggi yang ditunjukkan oleh Imam Hasan al-Banna menjadikan Mustafa Masyhur jatuh hati terhadap ceramahnya dan isu-isu yang dibawa penceramah tersebut. Beliau akhirnya menyertai Ikhwan Muslimin.

Ketika berumur 19 tahun pada tahun 1940, beliau merupakan antara pemuda Ikhwan Muslimin yang dilantik oleh kepimpinan ke dalam Unit Tanzim Khas. Tujuan unit ini ditubuhkan adalah untuk melatih para pemuda dan membangkitkan semangat jihad yang tinggi. Unit ini bermatlamat untuk membebaskan Mesir

daripada jajahan Inggeris dan membebaskan Palestin daripada perancangan Inggeris untuk menjadikan Palestin sebagai negara Yahudi. Mereka yang terpilih merupakan pemuda-pemuda yang terbaik fahaman agamanya, akhlaknya, dan keikhlasannya.

PERKAHWINANNYA YANG KEDUA

Telah disebutkan sebelum ini beberapa kisah yang diceritakan oleh mereka yang rapat dengan Mustafa Masyhur yang menerangkan sifat dan peribadi beliau yang ulung. Selain daripada kisah beliau yang tegas mempertahankan prinsip, gagah mendirikan solat jemaah walaupun sakit dan kisah bagaimana beliau sangat cintakan ilmu, terdapat sebuah lagi kisah yang wajar untuk kita renungi bersama supaya kita dapat mengambil pengajaran dan iktibar daripada peribadi agung ini.

Kisah ini berlaku ketika beliau melalui proses perkahwinan, di mana kisah ini diceritakan sendiri oleh isterinya. Dikhabarkan, Mustafa Masyhur sebelum berkahwin telah mengucapkan satu kata-kata yang sangat mengesani jiwa-jiwa yang mendengarnya.

Beliau telah berkata kepada isterinya, “saudari akan menjadi isteriku yang kedua kerana aku telah berkahwin dengan isteriku yang pertama sebelum saudari. Aku amat mencintainya dan aku tidak sanggup untuk berpisah dengannya.” isterinya bertanya, “siapakah dia?” Mustafa Masyhur menjawab, “dialah dakwah di atas jalan Allah SWT, saya harap agar saudari tidak cemburu kepadanya,” isterinya menjawab. “Dakwah tersebut adalah tuanku dan aku adalah khadamnya.”

Begitulah teguh dan kuatnya beliau berpegang dengan kefahaman Islam dan dakwah yang diperolehinya dengan tarbiah daripada Ikhwan Muslimin. Dalam kisah ini juga kita dapat lihat betapa kuatnya jiwa si isteri yang sanggup berkorban apa sahaja demi agama ini walaupun terpaksa mengorbankan perkara yang paling disayangi.

PERISTIWA JIP

Jalan dakwah memang tidak akan sunyi daripada mehnah dan ujian. Sepertimana para pendakwah yang terdahulu bermula daripada zaman Nabi, para sahabat dan kemudiannya para tabi'in yang kesemuanya melalui pelbagai mehnah dan tribulasi, begitulah juga yang terjadi kepada Mustafa Masyhur.Terdapat pelbagai tuduhan dan tomahan yang dilemparkan kepada beliau. Antaranya semasa peristiwa yang dikenali sebagai 'Peristiwa Jip' yang menyebabkan beliau dikenakan hukuman penjara oleh mahkamah Mesir.

Peristiwa ini merupakan sejarah penting buat Ikhwan Muslimin di mana maklumat berkenaan Nizam Khas iaitu sebuah organisasi rahsia yang disusun atur oleh Imam Hasan al-Banna dalam menentang penjajahan Yahudi di Palestin, dibocorkan pada 15 November 1948. Nama beliau merupakan antara yang tertera di dalam maklumat tersebut dan dikenakan tuduhan yang mengheretnya ke dalam penjara.

Secara terperincinya, kejadian 'Peristiwa Jip' berlaku pada 15 November 1948, di mana Nuqrasyi Pasya yang merupakan Perdana Menteri Mesir pada ketika itu membubarkan cawangan Ikhwan Muslimin di Ismailiah. Hal ini menunjukkan tanda-tanda bahawa kerajaan Mesir sedang memulakan langkah untuk menghapuskan

Ikhwan Muslimin secara keseluruhan. Ahmad Adil Kamal, salah seorang anggota Nizam Khas telah membuat keputusan mengejut untuk memindahkan sebahagian dokumen-dokumen dan peralatan-peralatan yang berkaitan dengan Nizam Khas daripada Hayyu Muhammadi ke Abasiah demi tujuan keselamatan.

Turut bersamanya ialah Tahir Imaduddin dan Mustafa Kamal Abdul Majid, pemandu jip yang dinaiki mereka. Setelah mereka menempatkan barang-barang tersebut ke dalam kereta, mereka terus menuju ke rumah Ibrahim Mahmud Ali di Abasiah untuk menyimpan barang-barang tersebut. Dalam perjalanan ke sana, jip yang dinaiki oleh mereka bertiga ditahan polis. Mereka didapati bersama bahan larangan seperti senjata dan bahan letupan.

Pihak polis berjaya menahan Ahmad Adil Kamal dan Tahir Imaduddin. Manakala Mustafa Kamal Abdul Majid berjaya melepaskan diri. Mustafa Kamal memaklumkan kejadian tersebut kepada Mustafa Masyhur melalui perantaran Saad Kamal. Maka Mustafa Masyhur pun mengosongkan rumahnya daripada dokumen-dokumen mengenai hubungannya dengan Nizam Khas kerana telah menjangkakan bahawa rumahnya akan digeledah.

Beliau mengumpulkannya dalam satu beg dan ingin menghantar semua dokumen tersebut ke rumah sahabatnya yang tiada kaitan dengan Ikhwan Muslimin. Tetapi beliau tidak mengetahui bahawa beliau akan melalui kawasan kejadian penahanan jip itu tadi. Mustafa Masyhur ditangkap ketika semua dokumen tersebut masih di dalam tangannya. Manakala pimpinan Nizam Khas yang lain ditangkap di rumah Mustafa Masyhur ketika mereka semua sedang menunggu kepulangan beliau.

Sungguhpun mempunyai peluang untuk membuat rayuan, beliau tidak pernah minta berlepas diri daripada hukuman itu dan tidak meminta keampunan dari pihak kerajan Mesir, bahkan beliau menolak dan mengkritik secara keras hukuman penjara selama 3 tahun yang dikenakan kerana beliau meyakini bahawa beliau berada di pihak yang benar.

TEMPANG AKIBAT DISEKSA DI PENJARA

Sejarah perjuangan Mustafa Masyhur tidaklah dihiasi dengan karpet merah dan penuh keseronokan, tetapi jalan yang penuh dengan ranjau dan onak duri serta pengorbanan harta, jiwa dan masa yang banyak, bahkan melibatkan nyawa pada sesetengah keadaan. Itulah liku-liku perjuangan yang dilalui oleh Ikhwan Muslimin serta ahli-ahlinya termasuklah Mustafa Masyhur. Sepanjang hayatnya, beliau telah dipenjarakan sebanyak tiga kali dalam hidupnya.

Kali pertama beliau dipenjarakan ialah pada tahun 1948 hinggalah tahun 1951 iaitu selama tiga tahun. Hukuman ini dikenakan oleh kerajaan Mesir akibat daripada 'Peristiwa Jip' yang telah diceritakan. Kali kedua beliau dipenjarakan ialah pada tahun 1954 hingga tahun 1964 iaitu selama 10 tahun. Kali ini tuduhan yang dikenakan ke atas beliau adalah kononnya beliau merancang komplot untuk membunuh Presiden Mesir ketika itu, Jamal Abdul Naser. Seterusnya kali ketiga beliau dipenjarakan adalah pada zaman pemerintahan Jamal Abdul Naser selama enam tahun, bermula tahun 1965 sehingga tahun 1971.

Bukan sekadar itu sahaja, bahkan Beliau juga telah dikurung di dalam penjara bawah tanah dan penjara

padang pasir. Dalam pada itu, beliau juga telah dipukul ratusan ribu kali. Kedua-dua tapak kakinya telah dipukul dengan sebatang alat keras sehingga menyebabkan tulang di kedua-dua tapak kakinya menjadi reput. Kesan akhirnya, beliau menjadi tempang.

Tetapi semua itu langsung tidak menggugat keteguhan hatinya untuk tetap berada di atas jalan dakwah dan jemaah ini, bahkan beliau menghadapi segala ujian dengan penuh kesabaran yang tinggi hasil tarbiah yang diterimanya.

TEGAS, TAK PERNAH LENTUR

Dalam memperjuangkan kedaulatan agama ini, beliau telah dipenjarakan sebanyak tiga kali selama hampir 19 tahun kesemuanya. Beliau telah dimasukkan ke dalam penjara tentera ketika berusia 33 tahun. Apabila beliau dihadapkan ke mahkamah tentera, dalam perbicaraan yang tidak sampai tiga minit lamanya, beliau telah dijatuhkan hukuman penjara selama 10 tahun pula.

Terdapat satu peristiwa menarik ketika beliau di dalam penjara semasa pemerintahan Jamal Abdul Naser. Ketika itu berlaku satu ujian besar kepada ahli Ikhwan Muslimin yang dikenali sebagai 'Mehnah Ta'yid'. Ujian tersebut berbentuk satu tawaran melepaskan diri dari hukuman penjara dengan memberi sokongan kepada Presiden Jamal Abdul Naser yang menghukum mereka.

Untuk menguatkan lagi hasutan itu, pihak kerajaan telah menggunakan anak-anak kepada ahli Ikhwan Muslimin yang dipenjarakan untuk memujuk ayah-ayah mereka menerima tawaran bebas dari penjara dengan

syarat menulis beberapa perkataan di atas kertas yang menunjukkan sokongan kepada Jamal Abdul Naser.

Beberapa orang daripada saudara mara kepada isteri Mustafa Masyhur menyuruh anak-anak perempuan beliau pergi ke penjara untuk memujuk ayah mereka agar menulis sokongan dan balik ke rumah bersama mereka tetapi isteri beliau enggan dan memesan kepada anak-anak agar tidak memujuk ayah mereka dan tidak menunjukkan jemu dan risau lantaran ketiadaan ayah meraka dalam masa yang panjang. Akibatnya, berterusanlah si ayah dalam penjara dengan kesabaran dan keteguhan dalam berpegang kepada kebenaran dan menolak kebatilan dan sistem kerajaan zalim yang memenjarakannya.

Kali terakhir beliau dipenjarakan adalah pada tahun 1965 hingga tahun 1971. Beliau dibebaskan setelah Anwar Sadat mengambil alih tampuk pemerintahan. Ketika itu, Anwar Sadat memberi keampunan kepada ramai anggota Ikhwan Muslimin yang dipenjarakan termasuk Mastafa Masyhur. Walau bagaimanapun, Anwar Sadat telah melakukan cubaan untuk menangkapnya kembali selepas beberapa ketika.

Untuk menyelamatkan diri, sebelum penangkapan beramai-ramai dilakukan pada tahun 1981, beliau telah berhijrah ke Kuwait. Beliau kemudian tinggal di Jerman selama lima tahun dan di sana beliau mengatur gerakan menyebarkan pengaruh Ikhwan Muslimin ke seluruh dunia.

KEMBALINYA PENGEMUDI BAHTERA



Mustafa Masyhur pulang ke Mesir ketika Umar at-Tilmisani menjadi Mursyidul Am Ikhwan Muslimin.

Tidak lama kemudian, Umar at-Tilmisani meninggal dunia lalu jawatan mursyidul am kemudiannya diambil alih oleh Hamid Abu Nasir dan Mustafa Masyhur menjadi timbalannya. Setelah Hamid Abu Nasir meninggal dunia pada tahun 1996, Mustafa Masyhur pula dilantik sebagai penggantinya. Februari 2002 beliau sekali lagi dipilih untuk meneruskan khidmatnya sebagai mursyidul am.

Pemilihan tersebut dibuat selepas Ikhwan membuat pindaan tempoh khidmat mursyidul am kepada enam tahun. Mustafa Masyhur turut diundang menyampaikan ceramah di serata dunia. Bahkan ketika permulaan krisis selepas kemenangan mujahidin di Afghanistan, beliau mengetuai delegasi pemimpin-pemimpin gerakan Islam seluruh dunia, pergi ke Kabul, Afghanistan, untuk mendamaikan kumpulan-kumpulan mujahidin yang ketika itu sedang mengalami beberapa konflik dalaman.

Beliau menjalankan amanah memegang jawatan mursyidul am yang disandangnya sejak 1996 hinggalah keadaannya yang sudah tidak berdaya lagi pada 29 Oktober 2002. Sejak itu, jawatan berkenaan dipangku oleh Makmun al-Hudhaibi, anakanda kepada mantan Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang kedua, Hasan al-Hudhaibi.

Pada November 2002, beliau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir selepas ditahan di dalam wad selama dua minggu akibat daripada sakit yang dialaminya, sejak suatu ketika seusai beliau menunaikan solat Asar di masjid berdekatan rumahnya. Ketika itu beliau berumur 83 tahun.

Keesokan harinya, orang ramai berkumpul di Masjid Rabaah Adawiah di Madinah Nasr untuk menunaikan solat bagi jenazah beliau sebelum beliau dikebumikan.

Jalan-jalan Rabaah, Madinah Nasr, menjadi sesak. Setelah jenazah almarhum disembahyangkan, orang ramai berarak menuju ke tanah perkuburan yang terletak 10 kilometer dari masjid berkenaan.

Suasana sepi, sedih dan pilu menyelubungi perjalanan ke tanah perkuburan. Tidak ada sebarang laungan atau slogan-slogan seperti perhimpunan yang biasa di anjurkan oleh Ikhwan. Masing-masing hanya berdoa dalam hati memohon kesejahteraan ke atas pemimpin kesayangannya yang telah pergi. Sebahagian daripada mereka mengangkat al-Quran sebagai lambang kepada syiar perjuangan mereka.

Perarakan yang dianggarkan disertai oleh 20,000 orang itu turut disertai oleh pemimpin-pemimpin politik termasuk Ibrahim Shukri, ketua Parti Buruh, sebuah parti pembangkang. Walaubagaimanapun, media al-Jazeera melaporkan bahawa tidak kelihatan seorang pun pemimpin kerajaan yang hadir pada ketika itu.

Biarpun, menghadapi pelbagai rintangan dan halangan, Mustafa Masyhur tetap berada di dalam saf perjuangannya dan tidak meninggalkan jamaah sehinggalah beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir. Mustafa Masyhur telah meninggalkan banyak panduan melalui buku-buku beliau yang kini menjadi panduan ahli Ikhwan dan para pendokong risalah dakwah pada hari ini dalam menyelami liku-liku jalan ini.

NAIK TURUN IKHWAN DI ARENA POLITIK

Terdapat beberapa peristiwa besar yang berlaku kepada Ikhwan Muslimin semasa Mustafa Masyhur menjadi mursyidul am. Antara perkara yang termaktub dalam lipatan sejarah semasa zamannya itu adalah

sekatan besar-besaran terhadap Ikhwan Muslimin sempena pilihanraya Mesir.

Kisah tersebut bermula pada permulaan zaman pemerintahan Husni Mubarak sebagai presiden Mesir. Ketika itu Majlis Syura Ikhwan Muslimin telah membuat keputusan untuk masuk ke dalam medan politik dengan mengadakan pakatan dengan Parti al-Wafd untuk menyertai pilihanraya umum. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1984.

Hasilnya setelah pilihanraya umum tersebut, Ikhwan Muslimin telah berjaya mengumpul suara dan sokongan rakyat yang banyak secara tidak langsung berjaya menyebarluaskan pengaruhnya dan seruan Islam kepada seluruh pelusuh Mesir. Seterusnya Ikhwah Muslimin meneruskan langkah maju ke hadapan dalam pilihanraya legislatif dengan tiket persendirian sehinggalah berjaya memenangi 20% kerusi dalam pilihanraya 2005.

Para penganalisis politik pada masa itu telah melakukan kajian dan mendapati bahawa antara faktor kejayaan Ikhwan Muslimin dalam pilihanraya bermula daripada kelainan yang dibawanya iaitu Islamic Trend. Islamic Trend adalah satu medium bagi mengumpulkan golongan-golongan profesional dari seluruh Mesir untuk membincangkan satu penyelesaian kepada permasalahan masyarakat Mesir dan cuba menyumbang dalam aspek yang termampu dari sudut agama.

Ditambah dengan tekanan pengangguran rakyat Mesir yang teruk, idea Islamic Trend ini diterima baik. Mereka menganjurkan program-program latihan, rancangan bisnes, kursus kesihatan, kursus perumahan dan lain-lain di bawah institusi professional dibawah kelolaan Ikhwan Muslimin. Akhirnya ia menjadi satu

medium politik di bawah naungan Ikhwan Muslimin. Pada tahun 1987, Ikhwan Muslimin berjaya meraih 17% dari suara rakyat hasil pakatan Ikhwan Muslimin dengan Parti Buruh. Situasi itu menyaksikan kejayaan mereka meraih 36 daripada 56 kerusi yang dimenangi pakatan.

Melihatkan keputusan yang mengejutkan itu, Mustafa Masyhur mengeluarkan kenyataan rasmi Ikhwan Muslimin dalam mengulas situasi politik yang berlaku, yang berbunyi;

> *"Kita harus mengambil pengajaran daripada pengalaman pilihanraya yang telah kita lalui demi langkah-langkah kehadapan. Pilihanraya adalah seni permainan dengan aturan, keahlian dan kemasyarakatan sendiri. Kita harus mendorong sesiapapun yang telah berundur daripada reformasi dan memperbaiki bangsa ini. Serulah mereka untuk membuang jauh-jauh sikap pesimis dari diri mereka dan berdaftarlah untuk mengundi sesegera mungkin."*

Namun kejayaan pada tahun 1987 ini bukanlah kejayaan perjuangan menginstitusikan sistem undang-undang syariah, tetapi lebih kepada perjuangan kebebasan politik, budaya, pendidikan dan ekonomi, sebagai langkah permulaan kepada perjuangan mendaulatkan hukum syarak di peringkat nasional.

Akhirnya bermula awal tahun 1990-an, Ikhwan Muslimin ditekan dari pelbagai sudut bagi mempastikan mereka tidak mampu mara dalam pilihan raya yang akan datang. Pada tahun 1993, institusi profesional yang merupakan medium terbesar Ikhwan Muslimin dalam mengumpulkan dan menyelesaikan masalah masyarakat Mesir dikekang. Seterusnya pada tahun-

tahun berikutnya iaitu pada tahun 1995 dan 1996, ribuan ahli Ikhwan Muslimin dipenjara.

Mereka dilemparkan tuduhan yang tidak mauk akal dan tidak berasas iaitu terlibat dalam rancangan untuk menjatuhkan kerajaan Mesir. Ikhwan Muslimin turut diburukkan oleh pihak media kerajaan dan liberal hampir setiap hari dari semua sudut. Pada tahun 1998, ratusan aktivis mahasiswa Islam dipenjara tanpa perbicaraan yang lengkap dan adil. Tekanan ini menyebabkan konflik antara golongan tua sebagai pimpinan dan golongan muda yang mendukung parti.

KUASA PENA MENJANGKAUI MASA

Mustafa Masyhur sangat terkenal sebagai tokoh Ikhwan Muslimin yang aktif menulis dan menyebarkan dakwah melalui penulisan. Selain memperkenalkan dakwah Ikhwan Muslimin kepada masyarakat luar, kebanyakan tulisan beliau menyentuh kepada pembinaan dalaman ahli, gerak kerja serta memandu ahli Ikhwan Muslimin jalan untuk lebih memahami sistem dan jalan yang jemaah itu lalui.

Kefahaman yang mendalam terhadap matlamat jemaah dan pembinaan peribadi yang mantap merupakan unsur penting dalam membawa Ikhwan Muslimin dengan lebih maju ke hadapan.

Antara karyanya yang masyhur dan tersebar luas ialah:

1. Jihad Adalah Jalannya (Al-Jihad Huwa as-Sabil)

2. Persoalan-Persoalan di atas Jalan Dakwah (Tasaulat ‘ala Toriq ad-Dakwah)

3. Munajat di atas Jalan Dakwah (Munajat ‘ala at-Toriq)

4. Mendirikan Rijal Akidah di atas Jalan Dakwah (Muqawwamat Rajulul Aqidah ‘ala Toriq ad-Dakwah)

5. Kesatuan Amal Islami dalam Negara yang Satu (Wihdatul Amal al-Islami fi al-Qatrul Wahid)

6. Bekalan di atas Jalan (Zaad ‘ala at-Toriq)

7. Ikon di atas Jalan Dakwah (Al-Qudwah ‘ala Toriq ad-Dakwah)

8. Dakwah Individu (Ad-Dakwah al-Fardiah)

9. Kehidupan di Mihrab Sembahyang (Al-Hayah fi Mihrab as-Solah)

10. Islam Adalah Penyelesaian (Al-Islam Huwal Hal)

11. Daripada Fiqh Dakwah (Min Fiqh ad-Dakwah)

12. Pemimpin Contoh dan Kriterianya (Al-Qaid al-Qudwah wa Mutathalibatuhu)

13. Antara Rabbaniah dan Materialistik (Baina ar-Rabbaniah wal Madiyah)

14. Perihal Asas di atas Jalan Dakwah (Qadhaya Asasiyah ‘ala Toriq ad-Dakwah)

15. Pemikiran Islam dan Peranannya Dalam

Pembangunan (at-Tiar al-Islami wa Dauruhu fi al-Bina)


16. Perihal Kezaliman di Sisi al-Quran Dan Sunnah (Qadhiah az-Zhulm fi Dhaui al-Kitab wa as-Sunnah)


17. Jalan Dakwah Antara Keaslian Dan Penyelewengan (Toriq ad-Dakwah baina al-Asolah wa al-Inhiraf)

18. Daripada Pemikiran Islam Sehinggalah Rakyat Mesir (Min at-Tiar al-Islami ila Sya'b Misr)

Tambahan pula, Mustafa Masyhur merupakan seorang yang begitu optimis dan sentiasa melihat peluang dalam melakukan amal dakwah. Ketika beliau menyedari komplot kerajaan untuk menangkapnya pada zaman pemerintahan Anwar Sadat, beliau melarikan diri ke Jerman, disana beliau menghidupkan nafas dakwah yang baru.Beliau berjaya menyeru ramai orang Islam di Jerman untuk menyertai Ikhwan Muslimin, sehingga beliau dapat membuka cawangan Ikhwan Muslimin yang baru disana.













ISI KANDUNGAN

NAKHODA 5

MURSYIDUL AM KE-6



Makmun Hudhaibi

DENGAR & TEROKAI

Podcast · Garis hayat · Kata hikmah

DAKWAH INI AKAN TETAP WUJUD DAN BERTERUSAN SAMA ADA DENGAN PERTOLONGAN KITA ATAU DENGAN PERTOLONGAN SELAIN KITA

MakmunHudhaibi

Makmun Al Hudhaibi

PENGHIDUP RUH PERJUANGAN

MENYAMBUNG LEGASI

Selepas kematian Mustafa Masyhur, kepimpinan Ikhwan Muslimin telah diserahkan kepada generasi seterusnya. Mursyidul Am Ikhwan yang ke-6, yang telah memikul amanah berat ini bernama Muhammad al-Makmun Hasan Ismael al-Hudhaibi. Beliau lebih dikenali sebagai Makmun al-Hudhaibi dalam kalangan ahli Ikhwan mahupun masyarakat umum. Umum mengetahui kedudukan beliau sebagai anak kandung kepada Hassan al-Hudhaibi, Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang ke-2.

Beliau dilahirkan pada 28 Mei 1924 bersamaan dengan 24 Syawal tahun 1342 Hijrah di sebuah kota kecil, Kota Sohaj. Kota tersebut terletak di tebing barat Sungai Nil di dataran pertanian yang subur, kira-kira enam kilometer barat daya dari Kota Akhmim. Bandar Sohaj mempunyai dua pulau yang dikenali sebagai Pulau Karaman az-Zahur dan Pulau az-Zahur.



Beliau memperoleh pendidikan peringkat rendah dan mahir bahasa asing seperti bahasa Perancis. Selain itu beliau juga pernah mempelajari beberapa buah kitab, antaranya Tafsir Qurtubi, Tafsir Ibn Hazam, dan lain-lain kitab tafsir. Beliau turut mengambil kelas intensif bersama dengan gurunya Sheikh Muhammad Qitob

yang merupakan Ulama al-Azhar yang terkenal. Setelah itu, beliau melanjutkan pelajarannya ke Kota Iskandariah dalam bidang undang-undang. Dalam hal ini beliau mengikut jejak langkah bapanya Hasan al-Hudhaibi dan menjadi graduan dalam bidang tersebut.

Makmun al-Hudhaibi telah mendirikan rumah tangga pada tahun 1947. Beliau dipasangkan dengan al-Fath Binti Muhammad Najib Salim, seorang wanita yang banyak membantunya dan menjadi tulang belakang dalam gerak kerjanya di dalam Ikhwan Muslimin. Pasangan dakwah ini dikurniakan tiga orang cahaya mata; Maridhah, Amal dan Hisyam Amr.

Maridhah merupakan anak pertama yang dilahirkan, ketika beliau masih di dalam penjara Tel Aviv. Pada tahun yang sama, Maridhoh meninggal dunia tujuh bulan selepas dilahirkan menyebabkan Makmun al-Hudhaibi tidak sempat menatap wajah anaknya. Manakala Amal merupakan anak kedua yang lahir pada tahun 1958 dan dua tahun selepas itu, Hisyam Amr pula dilahirkan pada tahun 1960.

Selepas beliau menamatkan pelajaran di kuliah undang-undang Universiti Iskandariah, beliau mendapat peluang pekerjaan sebagai ketua sebuah mahkamah di Kaherah. Antara pencapaian beliau yang boleh dibanggakan dalam bidang ini adalah perlantikan beliau sebagai Kaunselor Mahkamah Giza pada tahun 1954.

Selain daripada pekerjaannya sebagai seorang hakim, Makmun al-Hudhaibi banyak terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan dan memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Selain Ikhwan Muslimin, beliau pernah menyertai gerakan penentangan rakyat, Muqowawamah

Sya'biah. Beliau komited dalam mencurahkan tenaga dan daya usahanya dalam membantu saudara seagamanya.

Beliau pernah dipenjarakan di Tel Aviv dan kemudian ditahan di Mesir pada tahun 1965 atas arahan Jamal Abdul Naser. Makmun al-Hudhaibi pernah meringkuk di dalam penjara selama 6 tahun dan dibebaskan setelah kematian Jamal Abd Naser. Beliau berhijrah ke Arab Saudi dan bekerja di sana untuk beberapa ketika dan dipanggil semula ke Mesir untuk menjawat jawatan ketua perundangan di pejabat kerajaan di Kaherah. Atas arahan pemerintah yang baru, Husni Mubarak, beliau dipecat dan hal ini memaksanya untuk berhijrah semula ke Arab Saudi. Namun, sekali lagi beliau pulang ke Mesir untuk menyumbangkan dirinya di atas dakwah dan tarbiah.

Beliau meninggal dunia pada 8 Januari 2004 setelah beberapa lama menghadapi penyakit usus dan jenazahnya diimamkan anaknya sendiri, Khaled al-Hudhaibi. Jenazahnya kemudian di makamkan bersebelahan kubur bapanya di daerah Qalyubiah. Pemergian mereka meninggalkan kader-kader dakwah yang bersemangat menyambung usaha mereka.

TOKOH YANG PENYAYANG

Peribadi yang ada pada Makmun al-Hudhaibi dapat kita simpulkan dengan kata-kata dari dua tokoh berikut;

Muhammad Hilal yang merupakan ahli Maktab Irsyad berkata tentang beliau:

"Sesungguhnya aku lebih suka beliau bersimpati ke atas diriku daripada aku bersimpati ke atasnya. Aku melihat beliau seperti seorang bapa dan seorang professor dan

seorang guru. Beliau melaksanakan tanggungjawab sebaiknya terhadap isteri dan berkata: Aku paling istimewa di sisinya."

Ma'mum al-Hudhaibi merupakan seorang yang sangat mengambil berat terhadap semua orang di sekelilingnya. Beliau melaksanakan amanah yang ada padanya dengan bersungguh tanpa kira pada siapa. Antara lain sifatnya yang disebut oleh Profesor Lachin Abu Shanab:

"Dia mungkin mempunyai pendapat yang tepat dalam isu-isu yang timbul akibat daripada konflik dalaman dan luaran dalam masyarakat, dan beliau adalah orang yang berpandangan jelas dan teliti dalam masalah politik. Ramai daripada ahli Ikhwan Muslimin bercakap tentang perjalanan hidup beliau dan ia perlu ditulis sebanyaknya."

Selain itu, pengalamannya yang luas dalam bidang dakwah dan tarbiah ini merupakan aset yang cukup berharga bagi pengikut dakwah dan para kader yang ada bersamanya pada ketika itu. Pandangannya selalu diambil dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi Ikhwan Muslimin dan masyarakat setempat. Beliau memberi beberapa sumbangan dalam bidang penulisan dan menulis 60 jawapan kepada isu panas yang melanda Ikhwan Muslimin pada ketika itu.

PEMUDA YANG BERJUANG

Boleh kita katakan, penglibatannya dengan Ikhwan Muslimin sebenarnya bermula sejak kecil ketika beliau berada di dalam buaian ibunya lagi. Hal ini kerana tidak lain dan tidak bukan, perjuangan bapanya Hasan al-Hudhaibi diwariskan kepadanya sejak beliau dilahirkan.

Didikan Ikhwan Muslimin yang diterapkan dalam dirinya sejak awal usia membentuk peribadi sehebat beliau.

Pada tahun 1956, beliau lebih serius dalam membawa seruan Ikhwan Muslimin terutama ketika Pencerobohan Tiga Pihak (Krisis Suez) melanda Mesir serta seruan rakyat dalam peristiwa Penentangan Selasa. Makmun al-Hudhaibi bersama-sama berjuang dengan pemuda Mesir pada ketika itu sehingga beliau ditahan oleh pihak Israel dan dimasukkan ke dalam penjara Tel Aviv.

Setelah beberapa lama berada di dalam penjara Tel Aviv, di Mesir pula beliau ditahan dan pernah dimasukkan ke dalam Penjara Abu Zaabal, Penjara Turoh dan penjara tentera. Dari tahun 1965 hingga 1971, beliau dipindahkan berkali-kali di antara penjara-penjara yang disebut. Namun begitu, beliau masih dipercayai dan diberi mandat untuk memegang posisi-posisi penting dalam Ikhwan Muslimin. Antara posisi yang pernah disandang ialah;

1. Jurucakap Rasmi Ikhwan Muslimin untuk Mursyid yang ke-4, 1986-1996.

2. Timbalan Mursyid Am IkwanMuslimin, 1995-2002.

3. Mursyidul Am Ikhwan Muslimin, sejak 2002-2004.

Beliau juga pernah terlibat ddi alam gelangang politik dengan menjadi calon Pilihanraya Parlimen bagi daerah Dokki, Giza pada tahun 1987. Makmun al-Hudhaibi telah memenangi kerusi tersebut semasa Ikhwan Muslimin memenangi 38 kerusi secara keseluruhan pada pilihnarya tersebut. Beliau lantang menyuarakan aspek kebebasan politik disebabkan kekangan oleh kerajaan

Mesir terhadap parti-parti pembangkang, terutamanya Ikhwan, pada masa itu serta banyak mengutarakan isu-isu yang berkaitan syariah Islamiah.

ISTIQAMAH DALAM PERJUANGAN

Tiada peristiwa yang paling mengesani bagi tokoh ini selain dari kelebihannya yang digunakan ketika ramai generasi awal Ikhwan ditangkap, dibunuh dan pertubuhan Ikhwan Muslimin di lemahkan oleh pihak berkuasa tertinggi Mesir. Pada zaman ini, tidak ramai orang-orang lama dalam kalangan Ikhwan Muslimin yang mampu menggerakkan kerja dakwah dan tarbiah, dan jumlah sedikit daripada mereka yang ada, adalah untuk mencari pemuda-pemuda yang mampu memikul aspirasi Ikhwan Muslimin.

Semasa pada zaman Anwar Sadat memerintah Mesir, beliau telah memanggil semula Makmun al-Hudhaibi dan melantik beliau sebagai Ketua Perundangan bagi Kota Kaherah, namun dipecat semula ketika tampuk pemerintahan Mesir bertukar tangan ke Presiden yang baru, Husni Mubarak. Pada satu musim haji, beliau telah bertemu dengan Umar at-Tilmisani lalu beliau dipujuk untuk pulang semula ke Mesir dan berkhidmat semula dengan Ikhwan Muslimin. Hal ini kerana tenaganya sangat diperlukan dalam melancarkan kerja-kerja dakwah dan tarbiah di Mesir.

Tibanya beliau di Mesir, Makmun al-Hudhaibi menggunakan kebijaksanaan dan kekuatan yang ada padanya dalam dakwah Ikhwan Muslimin. Hasilnya ramai pemuda yang berjaya disentuh hatinya dalam sama-sama berjuang dan bersatu dalam barisan yang sama. Beliau istiqomah dalam mengekalkan prinsip

jemaah dan berjaya mengekalkan dan mengukuhkan saf perjuangan bersama sahabat-sahabat dan pemuda-pemuda yang beliau kesani. Seperti kata-kata Profesor Lachin, pandangannya yang tajam dan fikirannya yang bernas telah membantu menyelamatkan jemaah ini dari terus bergerak dalam keadaan lemah.










جنازة المستشار
محمد المأمون الهضيبي
المرشد العام للإخوان المسلمين

ISI KANDUNGAN

NAKHODA 6

MURSYIDUL AM KE-7



Mahdi Akif

DENGAR & TEROKAI

Podcast · Garis hayat · Kata hikmah

ISI KANDUNGAN

SESUNGGUHNYA

DAKWAH IKHWAN MUSLIMIN

JIKA DIFAHAMI OLEH UMAT
IA ADALAH
SEBAHAGIAN DARI USAHA
PENYELAMAT

Mahdi Akif

Mahdi Akif

PEMUDA BERJIWA WAJA

GURU SUKAN BERJIWA KOMANDO

Muhamad Mahdi Akif merupakan mursyidul am ke-7 Ikhwan Muslimin di Mesir. Beliau dilahirkan pada 12 julai 1928 di Kafr Awad al-Sinita, Markaz Aja, Muhafazah Dakhiliah, Mesir. Beliau memulakan pendidikan di Sekolah Rendah al-Mansurah dan peringkat menengah di Sekolah Menengah Fuad I di Kaherah, kemudian menyambung pengajian di sebuah institusi pengajian tinggi dalam bidang pendidikan jasmani, dan mendapat ijazah pada tahun 1950.

Dengan ijazah tersebut, beliau mula bekerja sebagai seorang guru sukan di Sekolah Menengah Fuad I. Beliau tidak berhenti dengan hanya bekerja sebagai seorang guru tetapi beliau terus menyambung pengajian di Fakulti Undang-Undang pada tahun 1951 di Universiti Ain Shams. Beliau meneruskan hidup dengan berkahwin dengan saudara perempuan kepada Dr. Mahmud Izzat, salah seorang anggota Maktab Irsyad yang merupakan biro pimpinan tertinggi Ikhwan Muslimin. Muhamad Mahdi Akif dan isteri dianugerahi empat orang cahaya mata.

Muhamad Mahdi Akif mula mengenali Ikhwan dan mendapat pendidikan langsung dari Imam Hasan al-Banna pada tahun 1940. Beliau melibatkan diri dengan

gerakan Ikhwan Muslimin dengan menjadi sebagai ketua bahagian pelajar dan ketua bahagian pendidikan jasmani di ibu pejabat Ikhwan Muslimin sebelum dijatuhkan hukuman mati pada akhir 1954 atas tuduhan cubaan membunuh Perdana Menteri Jamal Abdul Naser, namun diringankan kepada kerja berat seumur hidup. Apabila ternyata tuduhan yang didakwa tidak benar, beliau dibebaskan pada tahun 1974 pada zaman pemerintahan Anwar Sadat setelah 20 tahun menderita dalam tahanan bersama lima anggota Ikhwan yg lain.

Apabila beliau dibebaskan semasa pemerintahan Anwar Sadat pada tahun 1974, beliau telah memulakan kerja-kerja mengurus belia dan mengambil jawatan sebagai Ketua Pengarah Belia di Kementerian Pengajian dan Pendidikan. Beliau kemudian bekerja di Perhimpunan Belia Islam Sedunia di Arab Saudi di mana beliau menubuhkan kem besar bagi orang-orang muda dari seluruh dunia Islam.

Pada tahun 1980, beliau kemudian pergi ke Jerman di mana beliau bekerja sebagai pengarah Pusat Islam Munich. Beliau kembali ke Mesir pada tahun 1986 di mana beliau sekali lagi memegang bahagian remaja dan bahagian pelajar dalam gerak kerja Ikhwan Muslimin. Beliau juga bekerja sebagai ahli Biro Bimbingan Ikhwan sejak tahun 1987.

Muhamad Mahdi Akif merupakan salah seorang daripada 35 anggota Majlis Popular yang mewakili blok Ikhwan Muslimin di Parlimen pada tahun 1987 bagi daerah Kaherah Timur. Pada awal tahun 1995, ketegangan hubungan antara Ikhwan Muslimin dan kerajaan Mesir mencapai kemuncak dan mengakibatkan pihak kerajaan melancarkan operasi penahanan generasi belia Ikhwan Muslimin. Lantas mencetuskan satu lagi siri ujian, kali

ini dari aspek ketenteraan yang berlangsung selama lebih lima tahun.

Muhamad Mahdi Akif telah dihadapkan ke mahkamah tentera pada tahun 1996 atas tuduhan terlibat secara langsung dalam organisasi antarabangsa Ikhwan Muslimin lalu dijatuhi hukuman penjara selama tiga tahun. Beliau kemudiannya dibebaskan pada tahun 1999 dan jawatan terakhir dalam Ikhwan yang disandang pada ketika itu adalah sebagai penyelia bahagian hubungan Islam antarabangsa.

Selepas dibebaskan, beliau berpindah ke Riyad, Arab Saudi, untuk bekerja sbagai penasihat bagi perhimpunan muslimin dari Turki, Australia, Mali, Kenya, Cyprus, Jerman, Britain dan Amerika. Beliau telah meanggotai Maktab Irsyad Ikhwan Muslimin pada tanggal 1987 dan pada ketika itu juga beliau mewakili Ikhwan sebagai ahli parlimen Dewan Rakyat bagi daerah Kaherah Timur dari tahun 1987 sehingga tahun 1990.

Muhamad Mahdi Akif menjawat sebagai Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang ketujuh pada hari Rabu, 14 Januari 2004, menggantikan mursyidul am yang sebelumnya, Makmun al-Hudhaibi yang baru sahaja meninggal dunia pada ketika itu.

Muhamad Mahdi Akif dipenjarakan oleh pihak berkuasa Mesir pada tahun 2013, apabila berlakunya rampasan kuasa kudeta. Kesihatannya terus merosot dalam tahanan sehingga beliau meninggal dunia pada 22 September 2017 di sebuah hospital di Kaherah, dalam usia 89 tahun.

MENYERTAI IKHWAN SEJAK SEKOLAH RENDAH

Ketika beliau berumur 12 tahun iaitu pada tahun 1940, beliau telah menyertai Ikhwan Muslimin yang sedang berkembang luas pada ketika itu. Pada usia semuda itu, dua ciri Ikhwan Muslimin telah membuatkan beliau terkesan dan tertarik dengan gerakan ini. Pertamanya, rasa penting terhadap sukan dalam diri setiap ahli gerakan itu. Kedua, cara mereka bergaul sesama ahli dengan lembut dan mesra.

Selepas tamat persekolahannya di Sekolah Menengah Fuad I, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan. Sungguhpun pengkhususan pelajarannya dalam bidang kejuruteraan, namun Imam Hasan al-Banna menghalakan minat beliau ke bidang sukan dengan cara tidak langsung. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan rangkaian Ikhwan Muslimin di semua sekolah, kolej dan institusi pada masa itu setelah beliau melihat kecenderungan dan minat Muhamad Mahdi Akif kepada sukan.

ATLETIK, BERSEMANGAT WAJA

Pada tahun 1951, beliau memimpin kem-kem belia Universiti Ibrahim (Universiti Ain Shams kini) bagi menentang penjajah di Suez sehingga terjadinya 'Revolusi Julai' pada tahun 1952. Beliau yang merupakan ahli Maktab Irsyad juga terlibat dalam penyusunan kem-kem para pemuda Islam dari seluruh dunia seperti Malaysia, Arab Saudi, Jordan, Bangladesh, Australia, dan Turki.



Sepertimana yang diketahui tentang Muhamad Mahdi Akif, beliau sangat memetingkan kesihatan dan kekuatan tubuh badan. Kedua-dua perkara ini juga merupakan antara sebab beliau menyertai gerakan Ikhwan Muslimin

setelah melihat sikap ahli Ikhwan yang menitikberatkan soal ini.

Beliau juga telah meninggalkan bidang kejuruteraan untuk menyahut seruan Imam Hasan al-Banna agar ada dalam kalangan pemuda yang boleh memberikan latihan fizikal kepada ahli Ikhwan Muslimin. Oleh kerana itu, walaupun beliau tidak mempunyai pengalaman sebagai tentera, beliau bersama-sama belia Mesir yang lain telah berjuang menentang tentera British di Terusan Suez dan berjuang menentang penubuhan kerajaan Yahudi di Palestin. Selepas perang tamat, beliau kembali melatih belia Ikhwan Muslimin.

IKHWAN MAKIN LANTANG

Ikhwan Muslimin memulakan lembaran perjuangan yang semakin serius dan lantang semasa di bawah pengelolaan Muhamad Mahdi Akif, meneruskan momentum dakwah Ikhwan yang semakin berpengaruh dan mengesani masyarakat Mesir khususnya dan seluruh dunia secara amnya. Pada 3 Mac 2004, Ikhwan telah mengemukakan satu inisiatif dalam melakukan pembaharuan, mereka berkeras menolak segala bentuk dominasi asing di Mesir, dan menegaskan bahawa reformasi menyeluruh adalah tuntutan nasionalis kebangsaan yang sebenar dan Islam itu sendiri.

Inisiatif ini perlu bermula dengan reformasi politik, yang merupakan titik permulaan bagi pembaharuan aspek-aspek kehidupan yang lain. Ikhwan juga serius dalam misi mereka melakukan projek pengislahan negara, hal ini dapat diterjemahkan dengan penyertaan mereka dalam pilihanraya dan pelaksanaan demonstrasi-demonstrasi yang menuntut pembebasan daripada

undang-undang Barat yang mencengkam hak asasi dan kebebasan rakyat Mesir.

Pada 4 Mei 2005, lebih 10,000 ahli Ikhwan Muslim, dari pelbagai pelusuk negeri di Mesir berhimpun di hadapan Masjid Fath di Kaherah bagi menyatakan sokongan untuk pembaharuan sistem negara dan penolakan Undang-Undang Darurat. Pasukan keselamatan mengenakan kepungan keselamatan ketat untuk mengelakkan penambahan bilangan peserta yang mengambil bahagian dalam demonstrasi tersebut.

Dan dianggarkan puluhan ribu ahli Ikhwan beserta rakyat Mesir di wilayah yang lain turut berhimpun untuk tujuan yang sama. Ratusan tangkapan telah berlaku terhadap para penunjuk perasaan pada hari tersebut. Pasukan keselamatan juga telah menggunakan gas pemedih mata , cota dan meriam air untuk meleraikan demonstrasi itu.

MENANG KERUSI PARLIMEN

Pada 8 Disember 2005, Ikhwan telah memenangi 88 kerusi di Parlimen, selepas bertempur sengit dengan parti pemerintah, yang menggunakan segala cara penipuan dan tidak adil, disamping pasukan keselamatan yang menggunakan cara ganas dan kekejaman yang teruk terhadap pengundi yang turun untuk megundi. Empat daripada para pengundi telah terkorban dan kira-kira 800 orang cedera. Serangan kasar juga telah disaksikan ke atas beberapa hakim dan penasihat, serta pendakwaan, penahanan dan pemburuan, yang menyaksikan 1370 orang ditangkap dalam tiga pusingan pilihan raya. Syarikat mereka, kedai mereka dan sejumlah besar wang mereka juga telah dirampas oleh pihak berkuasa.

VETERAN IKHWAN KE PENJARA

Pada 14 Disember 2006, Tentera Keselamatan Dalam Negeri telah melancarkan operasi tangkapan terhadap beberapa pimpinan Ikhwan Muslimin termasuk Khairat al-Shater, Hassan Malik dan Mohammed Ali Bishr, diikuti dengan beberapa siri tangkapan yang merangkumi lima fasa yang panjang. Pada 5 Februari 2007, keputusan Presiden Husni Mubarak untuk merujuk tahanan kepada badan kehakiman tentera dikeluarkan.

Perbicaraan telah berterusan selama lebih 70 sesi yang dilakukan secara rahsia bagi mengelakkan sama sekali pendedahan kepada media, yang bermula pada 26 April 2007, dan berakhir dengan keputusan pada 15 April 2008. 25 orang daripada tahanan ini telah dihukum kepada terma penjara antara tiga hingga 10 tahun, atas tuduhan pengubahan wang haram yang dimiliki oleh kumpulan yang telah diharamkan kerajaan Mesir. Manakala 15 orang tahanan lagi telah dibebaskan.

Muhamad Mahdi Akif pernah ditanyakan soalan, tentang kehidupan beliau semasa di dalam penjara. Muhamad Mahdi Akif merupakan salah seorang susuk Ikhwan yang kerap dihumbankan ke dalam penjara, bahkan hampir sahaja beliau dikenakan hukuman gantung disebabkan ketegasan prinsip beliau. Beliau menceritakan bagaimana para tahanan ahli Ikhwan menghidupkan suasana penjara, sehingga berjaya melahirkan suasana yang tidak kurang bezanya dengan kehidupan manusia merdeka.

Kehidupan Ikhwan di dalam penjara diisi dengan muhadarah (ceramah) perkongsian ilmu, solat berjemaah dan riadah subuh. Bahkan ketika dalam penjara tersebut

beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menyusun aktiviti riadah subuh, memandangkan minat beliau yang mendalam dalam bidang kesukanan. Dalam masa yang sama juga, Muhamad Mahdi Akif telah menyediakan khidmat nasihat kesihatan dan perubatan dalam penjara kepada para banduan. Beliau mengambil tanggungjawab ini kerana melihatkan kurangnya pengawasan doktor yang bertanggungjawab menjaga kebajikan dan memantau tahap kesihatan tahanan.

Pada bulan November 1949, para tahanan telah diberikan peluang untuk mengambil ujian peperiksaan Universiti Dar Ulum. Sebilangan pensyarah dari universiti tersebut telah didatangkan khas ke penjara banduan tersebut untuk memantau perjalanan peperiksaan. Malangnya Muhamad Mahdi Akif telah dikecualikan daripada mengambil ujian tersebut, kerana pengkhususan pengajian beliau memerlukan kepada aspek amali dan juga praktikal.

Seterusnya pada Januari 1950, ramai daripada kalangan tahanan jemaah Ikhwan dibebaskan daripada penjara tersebut. Muhamad Mahdi Akif merupakan orang terakhir yang dibebaskan dalam kalangan mereka. Setelah bebas daripada tahanan tersebut, Muhamad Mahdi Akif telah mendaftarkan diri di sebuah maahad untuk menyempurnakan pengajian beliau yang sebelumnya tertangguh.

Memandangkan keterlewatan beliau mendaftarkan diri ke maahad tersebut, Muhamad Mahdi Akif telah terlepas daripada menduduki peperiksaan tahun tersebut. Beliau kemudiannya melakukan rayuan kepada dekan fakulti tersebut untuk mengambil ujian khas pada bulan Mac 1950. Rayuan beliau itu kemudiannya telah diluluskan. Sewaktu mengambil ujian tersebut, salah

seorang pensyarah beliau telah memberikan sebuah buku dan meminta beliau untuk mensyarahkan apa-apa sahaja yang difahami daripada kitab tersebut.

Muhamad Mahdi Akif menolak dengan berkata, “aku hanya mengharapkan kejayaan dengan hasil usaha dan kemampuan ilmuku sendiri, aku selamanya tidak akan menipu atau mengambil jalan mudah untuk berjaya.” Keputusan peperiksaan tersebut kemudiannnya diumumkan pada bulan April dan beliau telah meraih keputusan cemerlang.

KETETAPAN MEREKA YANG BEKERJA DI ATAS JALAN-NYA

Muhamad Mahdi Akif sewaktu zaman remajanya pernah berjiran dengan seorang gadis muda yang juga merupakan anak kepada pengikut Ikhwanul Muslimin yang soleh. Muhamad Mahdi Akif sangat menyenangi gadis tersebut dan pernah mengatakan bahawa pada suatu hari nanti beliau akan mengahwini gadis tersebut. Namun gadis itu menolak dengan berkata, "engkau tidak akan dapat mengahwini aku, namun aku merasakan engkau pasti akan mengahwini anak daripada hasil perkahwinanku.”

Tidak lama selepas itu, Presiden Jamal Abdul Naser telah menggerakkan operasi besar besaran bagi menghapuskan Jemaah Ikhwanul Muslimin dan mengarahkan supaya pengikut-pengikut jemaah tersebut ditangkap dan dipenjarakan. Muhamad Mahdi Akif turut tidak terkecuali daripada menjadi mangsa kezaliman tindakan pemerintah tersebut.

Para pimpinan Ikhwan Muslimin telah didakwa

atas cubaan memberontak dan membunuh seorang pemimpin negara pada masa tersebut, lalu kemudiannya mereka dijatuhkan hukuman gantung. Antara tokoh besar Ikhwan yang dijatuhi hukuman tersebut ialah Syeikh Abdul Qadir Audah. Muhamad Mahdi Akif pada awalnya telah dikenakan hukuman yang sama sebagaimana pimpinan Ikhwan yang lain, namun kemudiannya beliau telah dikecualikan daripada hukuman tersebut dan dikenakan hukuman tahanan selama 20 tahun.

Setelah bebas daripada tahanan tersebut, Muhamad Mahdi Akif langsung meneruskan hajat beliau untuk menikahi gadis yang disenanginya sewaktu usia mudanya dahulu. Namun gadis tersebut telahpun melangsungkan perkahwinan sewaktu beliau ditempatkan di dalam penjara dan telahpun melahirkan seorang anak gadis yang pada ketika itu berusia 22 tahun. Anak gadis tersebut kemudiannya dijodohkan oleh ibunya dengan Muhamad Mahdi Akif yang pada ketika itu baru sahaja bebas daripada hukuman tahanan penjara.

Maka benarlah buah fikiran gadis tersebut ketika Muhamad Mahdi Akif menzahirkan hasratnya untuk menikahi gadis itu pada usia mudanya. Muhamad Mahdi Akif telah menghabiskan masa mudanya untuk bekerja di atas jalan dakwah, maka gadis tersebut menjangkakan bahawa Muhamad Mahdi Akif tidak akan terkecuali daripada dikenakan hukuman penjara sebagaimana pimpinan Ikhwan yang lain, maka beliau berjanji pada dirinya sendiri untuk menikahkannya dengan anak hasil perkahwinannya sekiranya ditakdirkan Muhamad Mahdi Akif dibebaskan dari tahanan.











ISI KANDUNGAN

NAKHODA 7

MURSYIDUL AM KE-8



Muhammad Badie

DENGAR & TEROKAI

Podcast · Garis hayat · Kata hikmah

ISI KANDUNGAN

ANDAI ENGKAU HUKUM GANTUNG TERHADAPKU 1000 KALI SEKALIPUN DEMI ALLAH AKU TAKKAN BERPALING DARI AL-HAQ

SESUNGGUHNYA KAMI TAK PERNAH BERMAIN KETIKA BERKATA SESUNGGUHNYA MATI DI JALAN ALLAH ADALAH CITA-CITA TERTINGGI KAMI

MuhammadBadie

Dr. Mohammed Badie

LAMBANG PERJUANGAN

VETERINAR PHD DI TAMPUK KEPIMPINAN

Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang kelapan adalah Dr. Mohammed Badie Bin Abdul Majid Bin Abdus Sami. Beliau dilahirkan pada 7 Ogos 1943 di Mahalla al-Kubra, yang terletak di wilayah Gharbiah di tengah-tengah Delta Sungai Nil. Beliau telah menikahi Samia al-Shenawy, anakanda kepada Haji Ali al-Shenawy yang merupakan antara pengasas awal Ikhwan Muslimin. Mereka telah dikurniakan tiga orang cahaya mata, dua orang lelaki; Ammar yang merupakan jurutera komputer dan Bilal, seorang radiologis, serta seorang ana puteri bernama Doha, seorang ahli farmasi.

Dr. Mohammed Badie yang sering dilihat memakai songkok hitam bangsa Melayu Nusantara ini telah memperolehi pencapaian yang maksimum dalam bidang yang diceburinya iaitu bidang veterinari atau lebih dikenali sebagai doktor haiwan. Sumbangan beliau dalam bidang veterinar diiktiraf di peringkat antarabangsa sehingga nama beliau tersenarai dalam 100 saintis Arab yang terunggul di dunia pada tahun 1999.

Beliau memulakan pengajian tingginya dengan sijil ijazah Sarjana Muda Veterinar di Universiti Kaherah pada tahun 1965. Sebelum meneruskan langkah ilmu, beliau sempat menjadi tutor di Fakulti Veterinar di Universiti

Assiut pada tahun yang sama. Selepas itu, beliau terus melanjutkan pengajiannya di peringkat Sarjana Veterinar pada tahun 1977 di Universiti Zagazig dan menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di universiti yang sama pada tahun 1979.

Pengalaman kerjaya Dr. Mohammed Badie pula amat luas, selari dengan potensi yang dapat dilihat pada tahap keilmuan beliau. Beliau memulakan kerjayanya yang pertama selepas menamatkan pengajian di peringkat PhD, sebagai pembantu professor di Fakulti Veterinar Universiti Zagazig pada tahun 1983. Selain itu, beliau juga pernah bekerja di Institut Pakar Veterinar di Sana'a, Yaman dari tahun 1982 hingga tahun 1986. Di sana, beliau berjaya menubuhkan Institut Veterinar Yaman serta menterjemahkan kesemua silibus pendidikan dari Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Arab. Setelah pulang dari Yaman, beliau memperoleh pangkat Professor dalam bidang veterinar pada tahun 1987 dari Universiti Kaherah cawangan Bani Suef.

Karier beliau yang terkini adalah sebagai professor di Jabatan Patologi, Fakulti Veterinar, Universiti Bani Suef. Beliau pernah menjadi ketua jabatan selama dua sesi pada tahun 1990. Sepanjang karier Dr. Mohammed Badie, beliau telah memantau sebanyak 15 tesis ijazah Sarjana, 12 tesis ijazah Doktor Falsafah dan pelbagai kajian saintifik yang dilakukan dalam bidang veterinar. Beliau juga aktif dalam rangkaian ahli veterinar di serata Mesir dengan menjadi Setiausaha Agung Kesatuan Umum Veterinaris selama dua tahun serta Bendahari Kesatuan Pengamal Perubatan selama setahun.

Sementara itu, dalam kegiatan sosial masyarakat, beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Islam di Mahalla Kubra. Beliau juga merupakan

antara Ahli Lembaga Pengarah Kelab Kakitangan Universiti Kaherah selama sepuluh tahun, dan selepas itu kembali menjawat jawatan berkenaan di cawangan Bani Suef. Selain itu, beliau juga merupakan Naib Lembaga Pengerusi Persatuan Dakwah Islam di Bani Suef serta Pengerusi Persatuan Kakitangan Perumahan dan Pembantu di Universiti Bani Suef.

Dalam kegiatan ilmiah pula, beliau pernah menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah Patologi dan Patologi Klinikal di peringkat Republik Arab Mesir. Mursyidul Am Ikhwan Muslimin yang kelapan ini juga pernah menjawat sebagai Pengerusi Jurnal Kajian Veterinar, Fakulti Veterinar Universiti Bani Suef selama sembilan tahun serta Pengerusi Pusat Perkhidmatan di fakulti yang sama.

KARAKTER YANG DISEGANI

Dr. Mohammed Badie adalah seorang yang berjambang nipis, bermuka kurus serta memakai cermin mata. Menurut riwayat daripada keluarga dan sahabatnya yang rapat, beliau juga adalah seorang yang warak, menjaga kehormatan dan kesucian diri serta amat penyabar. Beliau sangat menjaga hubunganya dengan Allah SWT. Pada waktu sahur, beliau pasti menunaikan solat tahajud, serta setiap kali waktu fajar tiba, beliau pasti berzikir dan bermunajat, manakala setiap kali waktu petang pula dia pasti melafazkan wirid rabitah di lidahnya.

Selain itu, beliau merupakan seorang pemimpin yang berdaya saing. Ini terbukti secara jelas dengan penglibatan dan jawatan yang diamanahkan dalam pelbagai lapangan kerjaya dan aktiviti sosial kemasyarakatan. Beliau juga

mempunyai suara yang lunak dan sedap ketika membaca al-Quran, serta sering menyanyikan lagu-lagu pembakar semangat dakwah dan jihad tanpa segan dan malu.

Dr. Mohammed Badie juga merupakan antara pimpinan Ikhwan semasa Ikhwan Muslimin menghadapi zaman tribulasi yang amat mencabar. Tribulasi inilah yang telah menonjolkan sifat ketegasannya yang tinggi dalam diri beliau. Ini dapat dilihat melalui ketegasan beliau dalam menyatakan prinsip Ikhwan Muslimin yang hanya menerima keamanan dan bukan kekerasan atau kekuatan senjata. Kenyataannya, "Silmiyatuna aqwa min al-rosos!" yang bermaksud "demonstrasi aman kami adalah lebih ampuh dari senjata dan peluru!," menjadi kenyataan rasmi Ikhwan.

Ketika perbicaraan semasa beliau di dalam tahanan atas tuduhan menghasut, mengancam keselamatan penduduk, meyerbu pejabat kerajaan serta lain-lain lagi fitnah yang dilemparkan, sifat lapang dada jelas terpamer dalam diri beliau. Beliau tidak menyimpan dendam pada mereka yang menuduhnya walaupun tuduhan tersebut adalah palsu. Bahkan Dr. Mohammed Badie mendoakan kebaikan dan hidayah diberikan kepada mereka.

MENGANGGOTAI IKHWAN SEJAK MUDA

Pada tahun 1959, ketika Dr. Mohammed Badie berusia 16 tahun, beliau telah berkenalan dengan salah seorang ahli Ikhwan Muslimin Syria yang bernama Dr. Sulaiman al-Najar. Dr. Sulaiman mengajak beliau untuk menyertai Ikhwan Muslimin. Beliau bersetuju dan menganggotainya secara bersungguh-sungguh walaupun ketika itu perkataan 'Ikhwan Muslimin' mendatangkan kegerunan kepada semua orang yang mendengarnya.



Dr. Sulaiman selaku murabbi atau mentor yang memperkenalkan jalan dakwah dan tarbiah ini kepada Dr. Mohammed Badie, telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada beliau disebabkan keikhlasan yang terpancar dari setiap kata-katanya. Ini telah memberi inspirasi kepada Dr. Mohammed Badie secara peribadi, sehingga menyebabkan beliau juga ikhlas dan bersungguh dalam jalan dakwah. Beliau mengatakan Dr. Sulaiman adalah sosok peribadi yang telah mendisiplinkan pembelajarannya, merawat penyakitnya, serta menyempurnakan kekurangannya.

Pada tahun yang sama juga, Dr. Mohammed Badie telah berjaya menghafal juzuk terakhir dari al-Quran. Lalu dihadiahkan kepadanya jilid terakhir dari Kitab Fi Zilal al-Quran daripada murabbinya, Dr. Sulaiman. Maka dari sinilah bermulanya takdir beliau dengan as-Syahid Sayyid Qutb yang merupakan idola beliau dalam harakah.

Ketika membaca kitab tersebut, Dr. Mohammed Badie dapat merasakan betapa manis dan menggugahnya al-Quran, yang tidak pernah dapat dibayangkan olehnya sebelum ini, selain dapat merasai seolah-olah terbit ruh baru dalam jiwanya yang selama ini kering. Benarlah kata-kata pepatah,

> *"Dua hari yang paling bermakna dalam hidup seseorang adalah pada hari lahirnya ke dunia dan pada hari dia mengetahui tujuan lahirnya ke dunia."*

Beliau juga telah mendapat bimbingan secara langsung oleh Sayyid Qutb yang merupakan ikon Ikhwan ketika itu, bersama beberapa lagi teman yang lain seperti Syeikh Mahmoud Ezzat, Dr. Jum'ah Amin, Dr. Rasyad Bayoumi serta majoriti ahli Maktab Irsyad sekarang.

Pada tahun 1965, Dr. Mohammed Badie telah dihumban ke dalam penjara selama 9 tahun bersama Sayyid Qutb atas tuduhan dari tribunal tentera.

Walaupun beliau sedikit lewat menyertai Ikhwan dan menganggotai Maktab Irsyad pada tahun 1993 berbanding, teman-teman pimpinan yang lain yang jauh lebih awal, tidak sekali pun menjadi penghalang beliau untuk giat menyumbang dalam dakwah kerana beliau yakin bahawa ibrah tidak diukur dengan umur dan tempoh tetapi dengan kejujuran. Sumbangan beliau yang banyak itu terbukti dengan amanah yang diberikan kepada beliau untuk menjadi Musryidul Am Ikhwan Muslimin setelah Muhamad Mahdi Akif memilih untuk tidak menyambung penggal keduanya.

AL-QURAN DAN HADIS YANG HIDUP DALAM DIRI

Antara kelebihan Dr. Mohammed Badie adalah bahawa beliau tidak akan berkata sesuatu pun melainkan terkandung pada kata-kata tersebut ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang mulia. Bagi beliau, setiap perkara itu ada jawapan dan solusinya dalam al-Quran dan Hadis, hatta persoalan berkenaan sebab-sebab serangan media liberal dan pro-kerajaan terhadap Ikhwan yang pernah ditanya kepada beliau juga tidak terlepas dari dikaitkan dengan kedua-duanya.

Ketika berbincang mengenai bola sepak, beliau akan mengatakan tentang sukan bola sepak yang menepati kriteria al-Quran dan Hadis. Pada pandangan beliau, sorak kesukanan merupakan saudara kepada wirid tasbih dan zikir, dan mestilah menepati akhlak seperti yang digariskan oleh kedua-duanya. Begitu juga pada beberapa artikel ilmiah Dr. Mohammed Badie tentang

veterinar dan pendidikan. Sebahagian besar artikelnya dikaitkan dengan peristiwa dan pendirian yang selari dengan tarbiah dan harakah yang sempurna serta menyeluruh.

WALAU DIGANTUNG SERIBU KALI, AKU TAKKAN BERPALING DARI KEBENARAN!

Begitulah respon Dr. Mohammed Badie ketika dijatuhkan hukuman gantung oleh rejim kudeta Mesir. Seramai 683 orang penentang kudeta Mesir dalam kalangan aktivis Ikhwan Muslimin termasuk Dr. Mohammed Badie telah dijatuhkan hukuman gantung oleh mahkamah di Minya pada April 2014; hukuman ke atas 183 orang daripadanya kemudian disahkan.

Kata-kata tersebut diungkapkan oleh beliau kepada Usamah, putera Presiden Mohammed Morsi, Presiden Mesir yang sah dilantik secara demokrasi yang adil dan pertama kali dalam sejarah pilihanraya Mesir, yang turut berada di sisinya ketika perbicaraan tersebut. Menantu Dr. Mohammed Badie berkata, “kami tidak ragu-ragu untuk menyatakan bahawa mati di jalan Allah adalah cita-cita kami yang tertinggi. Wahai Allah, terimalah pengorbanan kami.”

Manakala kata-kata Bilal anakanda Dr. Mohammed Badie, “hati tentu bersedih, mata tentu menitiskan air mata. Sedangkan Nabi turut bersedih dengan kematian Hamzah dan kerabatnya sendiri yang memusuhinya.” Sementara itu, anak perempuannya Doha, sempat menulis satu kenyataan di laman sesawang sosial Facebook yang berbunyi, “perasaanku tidak jauh berbeza dengan perasan saudaraku, Bilal. Aku dapat merasakan

perasaan yang timbul dari kata-katanya, bahkan merasa berganda lebih sedih dan keberatan. Semoga Allah SWT memberi kami kesabaran dan jalan keluar. Amin."

UJIAN YANG BERAT

Antara perisitiwa penting yang mewarnai tempoh sejak Dr. Mohammed Badie mula mengemudi bahtera ini pada tahun 2010 adalah keterlibatan Ikhwan Muslimin dalam Revolusi Januari 2011 yang menggulingkan rejim tentera pimpinan Presiden Husni Mubarak. Seterusnya, Ikhwan juga menyertai Pilihanraya Parlimen dan Pilihanraya Presiden, serta memenangi pilihanraya tersebut dengan majoriti tipis. Begitu juga berlaku kisah penggulingan dan rampasan kuasa Presiden Mohammed Morsi, Presiden Republik Arab Mesir yang dilantik secara sah menurut undang-udang demokratik, yang telah berlaku dengan penuh tragis.

Lebih menyedihkan, apabila peristiwa tersebut telah diselangi dengan pembunuhan beramai-beramai para demonstrasi aman di Dataran Rabaah Adawiah di Madinat Nasr serta Dataran an-Nahda di Giza. Ditambah lagi dengan penangkapan ahli-ahli Ikhwan serta pengharaman Ikhwan Muslimin kerajaan haram Mesir pada ketika itu yang dipimpin oleh Jeneral Abdul Fattah as-Sisi, si pengkhianat yang hina.

AKHIRNYA, IKHWAN MEMERINTAH MESIR

Ikhwan Muslimin telah mendapat kepercayaan majoriti rakyat Mesir dan ini telah terbukti apabila parti politik yang telah ditubuhkan oleh Ikhwan, iaitu Parti Kebebasan dan Keadilan (Freedom and Justice Party)

telah berjaya memperoleh kerusi terbanyak sebanyak 44.9% dalam Pilihanraya Parlimen Mesir pada November 2011 hingga Januari 2012. Kemuncak kemenangan tersebut diserikan lagi dengan kejayaan Dr. Mohammed Morsi merangkap Pengerusi Parti Kebebasan dan Keadilan memenangi Pilihanraya Presiden yang berlangsung pada pertangahan tahun 2012.

Ketika itu, blok Islamis yang terdiri daripada ahli Ikhwan, lain-lain ahli Parlimen yang mewakili ideologi yang sama serta ahli Demokrat memenuhi kerusi-kerusi di Parlimen Mesir dan menjadikan seolah-olah Mesir sudah dinaungi oleh gerakan Islam yang akan membawa arus Islamisasi di serata negara. Akirnya Ikhwan setelah lebih 80 tahun tertubuh, berjaya memegang tampuk kepimpinan negara dan peristiwa ini merupakan salah satu fasa penting dalam perancangan dasar Ikhwan Muslimin yang digariskan oleh Imam Hasan al-Banna.

KEMENANGAN YANG TIDAK KEKAL LAMA

Setelah berlalu setahun Mesir dinaungi oleh pimpinan yang beraliran Islam yang menolak hegemoni Barat, tanpa disangka berlaku satu malapetaka yang amat menyedihkan ke atas golongan pendakwah di Bumi Mesir. Perisitiwa ini bukan sahaja memberikan kesan kepada perjalanan politik Parti Kebebasan dan Keadilan, bahkan turut mengesani orientasi dakwah Ikhwan Muslimin yang mengakibatkan penangkapan beramai-ramai ahli Maktab Irsyad, pimpinan Ikhwan, barisan pemuda, mahasiswa serta pelbagai lagi lapisan anggota Ikhwan.

Tunas demokrasi yang baru tumbuh pasca revolusi pada zaman pemerintahan Dr. Mohammed Morsi tiba-

tiba mati dan ranap dikerjakan oleh pihak perampas kuasa yang tidak bertanggungjawab pada 3 Julai 2013 dibawah komplot Jeneral Abdul Fattah as-Sisi. Bersama beliau merupakan beberapa individu lain yang terlibat seperti Syeikh al-Azhar Dr. Ahmad Tayib, Pope Tawadros II dari Gereja Koptik Iskandariah dan Dr. Mohammaed El-Baradei, ikon pembangkang pada ketika itu.

Mereka bukan sekadar merampas kuasa dari presiden yang sah legitimasinya mengikut undang-undang, bahkan membubarkan parlimen, menggantung perlembagaan, mengurung Presiden Morsi serta sewenang-wenang melantik presiden, perdana menteri dan barisan kabinetnya sendiri.

Ikhwan Muslimin merupakan tulang belakang rakyat Mesir dalam menjayakan revolusi 2011, menamatkan pemerintahan diktator dan autoritarian rejim tentera yang telah memerintah selama lebih 60 tahun, serta membina semula hakikat demokrasi dan kebebasan bersuara. Justeru, taktik efektif yang dilakukan oleh rejim tentera sebaik sahaja pengumuman rampasan kuasa oleh Jeneral Abdul Fattah as-Sisi adalah mensasarkan penghapusan jemaah Ikhwan Muslimin.

Beliau mengarahkan penangkapan beramai-ramai ahli Ikhwan, bahkan ke tahap membunuh ahli dan penyokongnya dengan angka ribuan untuk memastikan rampasan kuasa itu berkekalan tanpa sebarang bantahan. Bilangan mangsa kekejaman ini yang syahid ditembak adalah melebihi 6000 orang melalui tragedi pembunuhan beramai-ramai di Dataran Rabaah Adawiah, Dataran Nahdhah dan lain-lain tempat.

Selain itu, Mahkamah Mesir yang mempunyai kepentingan juga mengisytiharkan pengharaman

Ikhwan Muslimin dan menyekat sebarang aktiviti berkaitan Ikhwan. Mahkamah juga memutuskan segala aset dan harta Ikhwan dibekukan dan dirampas, serta sebarang pertubuhan lain yang ditubuhkan atas bantuan dan kewangan Ikhwan turut diharamkan serta merta. Peristiwa ini umpama tayangan semula skrip lama ke atas Ikhwan oleh regim tentera, sebagaimana Ikhwan pernah diharamkan pada tahun 1948, dan kemudian semasa pemerintahan Jamal Abdul Naser pada tahun 1954.

Yang lebih mendukacitakan, Dr. Mohammed Badie serta 104 pimpinan Ikhwan yang lain seperti Dr. Mohammed el-Beltagy dan Syeikh Safwat Hegazy telah dihadapkan ke mahkamah tentera atas tuduhan keganasan, menyerbu pejabat rasmi kerajaan, mengancam keamanan sejagat, mengumpulkan orang ramai untuk membuat jenayah dan membunuh serta mengganggu tugas-tugas penjawat awam kerajaan. Tambahan lagi, Dr. Mohammed Badie serta 13 pimpinan Ikhwan yang terlibat dengan protes di Dataran Rabaah Adawiyah juga telah dikenakan hukuman gantung mandatori atas alasan yang sama iaitu mencetuskan keganasan.









المصري اليوم











Rujukan

A) Buku

1. Lambang Gerakan Dakwah Islamiah, Abdullah Bin Aqil Bin Silauman Aqil
2. The Metamorphosi of the Egyptian Muslim Brothers, Mona El-Ghobashy
3. Pendirian kehidupan para pimpinan ikhwan, Muhammad Abdul Halim Mahmud

B) Laman sesawang

1. www.ikhwanwiki.com
2. www.ikhwanonline.com
3. www.creativity.ps
4. www.ikhwanpress.com
5. www.aljazeera.net
6. ayo-tarbiyah.blogspot.com.eg



7 Nakhoda Ikhwan Muslimin

Ikhwan Muslimin adalah salah satu jemaah dari umat Islam yang berkesinambungan dari kejatuhan khilafah pada tahun 1924. Ikhwan membawa aspirasi Islam yang menyeluruh dan membawa perubahan ke seluruh dunia Islam. Umurnya yang melebihi 88 tahun dan tersebar melebihi 90 buah negara membuktikan kematangannya dalam menempuh jalan dakwah dan islah.

7 Nakhoda Ikhwan Muslimin setelah Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna banyak mengajar dan membimbing para pendakwah dalam menjadi peribadi daie yang mengesani umat. Kisah mereka adalah kisah-kisah teladan buat pencinta dakwah Islamiah.



Terbitan:

almasar
ALUMNI MAHASISWA MESIR